
SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 27 OKT 2014 | Jilid 44 Bil 3 | RM1.00 | bkusm11@yahoo.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS **Menyelusuri kehidupan siswa-siswi PPPJJ** | 10-11



PANGKAS
Staf Jabatan Pembangunan membuang ranting-ranting kering dari pokok-pokok di Tapak Konvo sebagai persiapan tapak untuk Ekspo Konvokesyen pada awal November nanti.

Siswa-siswi ingkar peraturan desasiswa

Oleh **AISHAH HANIS AZMI & NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Siswa-siswi masih ingkar dalam mematuhi peraturan Desasiswa yang melarang aktiviti penjualan makanan, rokok, CD dan lain-lain di dalam bangunan asrama yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan walaupun tindakan telah diambil.

Menurut Penolong Penggawa Desasiswa Tekun, Dr Sharifah Mashita Syed Mohamad, sejak kebelakangan ini masalah ini semakin menjadi-jadi walaupun telah diberi amaran berulang kali. Jika masalah ini kerap berlaku, tindakan keras akan diambil selain barangan dan duit dirampas.

"Saya pernah menangkap penjual yang mendakwa dirinya bekas siswi Universiti Sains Malaysia, beliau mengaku masih belum mendapat kerja dan hanya ingin mencari duit saku namun saya tidak dapat mengesahkan kesahihan itu. Kebanyakan mereka menjual makanan seperti roti sosej, mee segera dan minuman tiga dalam satu", katanya.

"Kami melarang siswa-siswi menjual barangan kerana pihak kami risau akan kebajikan mereka. Sekiranya berlaku kes seperti keracunan makanan, tiada pihak yang boleh dipersalahkan", jelas Dr Mashita.

"Bagi saya peraturan tetap peraturan dan jika siswa-siswi berkeinginan untuk menjalankan perniagaan, mereka harus mengikut saluran yang betul dengan merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) dan pihak pengurusan desasiswa mereka sendiri. USM banyak menyediakan tempat untuk siswa-siswi menceburkan diri dalam bidang perniagaan seperti di Dataran Usahawan Tekun, Uptown Mall dan kiosk-kiosk yang ada di sekitar kampus", tegas Dr Mashita.

Bekas Naib Yang Dipertua 1 Majlis Penghuni Desasiswa Restu, Azlinda Abd Razak berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Dr. Mashita bahawa penjualan barangan di dalam blok tidak sesuai kerana terdedah dengan binatang seperti kucing dan anjing. Hal ini menjejaskan kesihatan dan keselamatan siswa-siswi itu sendiri.



TIDAK PEDULI
Penunggang dan pembonceng motosikal dalam USM tidak mematuhi undang-undang keselamatan jalan yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia. **GAMBAR oleh Muhammad Suhaib.**

Kecuaian sendiri punca kecurian

Kecurian yang berlaku di sekitar Universiti Sains Malaysia semakin menjadi-jadi dan mangsa terbaru melibatkan siswa tahun pertama di Masjid Al Malik Khalid.

Menurut Nur Muhammad Haziq Anuar, Sains Komputer 1, kecurian berlaku pada 7 Oktober lalu ketika waktu Zohor. Dia dan beberapa rakannya meletakkan beg masing-masing di sisi kanan bertentangan dengan Pejabat Pengarah Pusat Islam.

"Apabila selesai solat, sahabat saya memeriksa begnya dan mendapati tab dan duitnya telah hilang manakala saya kehilangan duit hampir seratus ringgit. Kami sangat kecewa dengan tindakan yang tidak bertanggungjawab terutama di tempat yang suci sebegini", katanya.

"Kami segera melaporkan kes ini kepada Jabatan Keselamatan sebelum membuat laporan polis di balai berdekatan. Jika dihitung secara keseluruhan, kerugian mencecah RM1,200", ulasnya lagi.

Haziq melahirkan rasa kecewa dan menyesal kerana

. . . sambung di halaman 3

Alamat | Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi **Telefon** | 04-653 5071 | **E-mel** | bkusm11@yahoo.com

Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971. Suara Dari Menara Ilmu.

Di manakah nilai tanggungjawab?

Sudah menjadi lumrah kehidupan di alam universiti tidak lari dari tanggungjawab. Apa jua bidang yang kita ceburi pastinya mendidik kita supaya menjadi seorang yang bertanggungjawab.

Saat tugasan diberikan terhadap sesebuah kumpulan, saat itu jugalah siswa-siswi perlu memahami dan mengetahui tanggungjawab masing-masing.

Persoalannya, sejauhmanakah siswa-siswi memahami apa itu tanggungjawab? Adakah siswa-siswi ini mempunyai nilai tanggungjawab?

Peranan siswa-siswi dalam bidang kerja mereka yang menyumbang kepada tugasan tersebut sebenarnya adalah sebuah tanggungjawab. Tanggungjawab itu perlu dilaksanakan tidak kira kumpulan yang dibina itu daripada kumpulan yang kecil atau kumpulan yang besar kerana pastinya bidang tugas itu akan dibahagikan secara sama rata.

Bukan itu sahaja, individu yang berhadapan tugasan secara sendirian juga mempunyai tanggungjawab terhadap diri sendiri. Individu akan lebih cenderung untuk sedaya upaya melakukan tugasan tersebut berbanding tugasan berkumpulan. Hal ini demikian kerana tanggungjawab terletak di bahunya sahaja.

Masalah sering timbul dalam sesebuah kumpulan apabila ada di antara ahli yang tidak menjalankan tugas walhal mereka sendiri yang bersetuju apabila tugasan itu diberikan kepada mereka.

Ada juga yang secara sukarela untuk melakukan tugasan tetapi pada akhirnya mereka tidak menyiapkan tugasan atau menyiapkan tugasan secara sambil lewa berdasarkan konsep 'janji siap'. Ada juga ahli yang suka mencari alasan dan tidak pandai membahagikan masa di antara tugasan.

Hal ini boleh menjurus kepada pelbagai masalah antara ahli kumpulan dan secara tidak langsung akan menjejaskan tugasan tersebut. Seterusnya, hal ini akan meninggalkan impak kepada ahli-ahli untuk tidak bekerjasama pada masa akan datang.

Sekiranya sikap seperti ini menjadi amalan dalam kalangan siswa-siswi, maka ini bermakna masih tiada nilai tanggungjawab dalam diri mereka.

Sekiranya setiap ahli kumpulan menjalankan tugasan dan tanggungjawab dengan betul maka tidak akan timbul masalah dalam proses menyiapkan sesuatu tugasan. Tugasan itu juga dapat disiapkan tepat pada waktunya.

Sebagai siswa-siswi, dimanakah kelompok kita? Adakah tergolong dalam kalangan siswa-siswi yang tidak mempunyai nilai tanggungjawab? Atau sebaliknya?

> "Sekiranya setiap ahli kumpulan menjalankan tugasan dan tanggungjawab dengan betul maka tidak akan timbul masalah dalam proses menyiapkan sesuatu tugasan. Tugasan itu juga dapat disiapkan tepat pada waktunya."

Menuntut ilmu itu satu pengorbanan

Ilmu itu penyuluh kehidupan, dengan ilmu kita mampu merubah diri, keluarga serta masyarakat menjadi lebih baik. Allah S.W.T berfirman di dalam Al-Quran, yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka " (Surah Ar-Rad:11)

Sebagai siswa-siswi generasi harapan bangsa, kita seharusnya memegang dan berusaha untuk menghayati dan memahami ayat ini. Sama ada sedar atau tidak, Allah S.W.T. telah menetapkan jalan untuk setiap orang dalam dunia ini. Setiap orang punya jalan cerita yang berbeza-beza.

Ada jalan cerita gembira, duka, susah mahupun senang. Namun, mereka mampu mengubahnya dengan usaha dan tingkah laku mereka. Salah satunya dengan ilmu.

Ilmu ini luas dari pelbagai aspek. Untuk menuntut ilmu, kita tidak perlu pergi ke sekolah mahupun universiti semata-mata. Ada juga ahli masyarakat di luar sana yang tidak pergi ke sekolah juga mampu untuk berjaya dalam hidup.

Namun dalam dunia masa kini, kebanyakan ahli masyarakat percaya bahawa insititusi pendidikan mampu menjamin seseorang agar lebih berjaya.

Bayangkan, seorang bapa yang sudah tua sanggup mengikat perut, semata-mata ingin menghantar anak ke institusi pendidikan yang berkualiti. Beliau tidak kisah berpakaian lusuh, tidur tidak cukup, bekerja siang malam dan membanting tulang empat kerat. Semata-mata untuk apa? Semua itu dilakukan supaya anaknya boleh menuntut ilmu supaya mampu menjamin kehidupan yang lebih baik.

Inilah yang dikatakan sebagai pengorbanan dan kasih sayang seorang bapa demi anaknya. Maka menjadi tanggungjawab kita sebagai seorang anak untuk menggalas harapan keluarga dengan sebaik-baiknya.

Tujuan utama kita berada di universiti ini untuk menuntut ilmu. Oleh itu, janganlah kita lalai dan alpa dengan urusan lain yang sia-sia. Percaya dan yakin bahawa jalan yang kita pilih ini merupakan satu perjuangan dan pengorbanan demi kehidupan yang lebih baik.

> "Setiap orang punya jalan cerita yang berbeza-beza. Ada jalan cerita gembira, duka, susah mahupun senang. Namun, mereka mampu mengubahnya dengan usaha dan tingkah laku mereka. Salah satunya dengan ilmu."

Amalkan gaya hidup sihat

Senaman ialah pergerakan badan yang dilakukan berulang-kali secara terancang dan berstruktur untuk meningkatkan dan mengekalkan satu atau lebih komponen kecergasan fizikal. Senaman ialah aktiviti yang dapat menjamin kesihatan yang lebih baik.

Tidak cukup dengan kegiatan harian, hujung minggu atau waktu terluang, kita juga perlu meringankan badan untuk melakukan senaman. Namun, disebabkan oleh kesibukan tugasan, mahupun masalah peribadi, kita seolah-olah malas dan kurang berminat untuk meneruskan kegiatan riadah tersebut.

Walau bagaimanpun, kita tetap boleh mengekalkan amalan senaman walaupun sudah lama tidak melakukannya. Pelbagai kaedah dapat dilakukan untuk meningkatkan semangat mendapatkan mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan siswa-siswi.

Cara yang mudah untuk mengekalkan amalan senaman adalah dengan tidak menghentikan aktiviti tersebut. Kita perlulah mengelakkan diri daripada berehat terlalu lama kerana ianya akan mengambil waktu yang panjang untuk membina semula amalan bersenam yang tidak selalu diamalkan. Sebaliknya jika kita terus melakukannya secara berterusan ia akan menjadi satu kebiasaan bagi diri untuk sentiasa melakukannya.

Woody Allen pernah berkata, "Separuh daripada kehidupan perlu ditonjolkan". Hujahnya, 90 peratus usaha diperlukan untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

Jangan diselubungi dengan perasaan risau, resah, gelisah kerana isu berat badan anda, fikirkan tentang latihan yang anda lakukan setiap hari untuk kesihatan.

Selain daripada itu, berikan ganjaran kepada diri sendiri jika berjaya mengurangkan berat badan walaupun hanya satu per lima kilogram kerana ganjaran itu mampu membantu anda untuk terus berusaha melakukan senaman.

Sekiranya kita bukan seorang yang gemar melakukan senaman di gimnasium, terdapat pelbagai cara lain lagi untuk menggerakkan tubuh dan mengekalkan senaman.

Oleh itu, jangan cepat berputus asa biarpun anda hanya melakukan senaman pemberat atau tekan tubi sahaja. Sebaiknya lakukan senaman dengan hati yang gembira dan ceria sambil mendengar lagu kegemaran anda serta sentiasa bersemangat untuk mengekalkan senaman dalam kehidupan seharian.

> "Cara yang mudah untuk mengekalkan amalan senaman adalah dengan tidak menghentikan aktiviti tersebut. Kita perlulah mengelakkan diri daripada berehat terlalu lama kerana ianya akan mengambil waktu yang panjang untuk membina semula amalan bersenam yang tidak selalu diamalkan."

Tiada masa bukan alasan makan suplemen pelangsing

Tiada masa adalah punca utama siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) kurang mengamalkan gaya hidup sihat sehingga menyebabkan masalah berat badan dan seterusnya kepada pengambilan suplemen pelangsing.

Menurut sumber yang ingin dikenali sebagai Fatin, beliau merasakan beratnya semakin meningkat jika dibandingkan dengan semester yang lepas. Kesibukan ke kuliah dan kegiatan persatuan menjadi punca penyebab beliau kurang mengamalkan gaya hidup sihat dan seterusnya mengambil suplemen pelangsing.

"Saya mendapati berat badan saya semakin meningkat. Ketika saya mula menjejakkan kaki ke USM, berat saya 60 kg sahaja. Tetapi, setelah 5 semester saya di sini saya mendapati berat badan saya meningkat kepada 80 kg. Hal ini membimbangkan saya sekiranya berterusan dan akhirnya saya menggunakan alternatif jalan pintas untuk mendapatkan berat badan ideal saya dengan pengambilan suplemen pelangsing", katanya.

"Saya akui bahawa saya tidak mempunyai masa untuk melakukan senaman untuk menjaga dan menurunkan berat badan saya. Oleh kerana sistem penginapan desasiswa menggunakan mata MyCSD, maka saya asyik mengikuti program-program yang dianjurkan persatuan dan sebagainya bagi mengumpul mata MyCSD", jelasnya lagi.

Pengarah Pusat Sejahtera USM, Dr Normala Abdul Wahid berkata tiada masa adalah satu alasan yang tidak boleh diterima pakai. Pengambilan suplemen pelangsing dengan cara yang salah juga boleh memudaratkan kesihatan.

"Tiada masa adalah satu alasan yang tidak relevan. Sekiranya siswa-siswi tidak mempunyai masa untuk melakukan senaman kerana kesibukan, mereka masih boleh menggantikan senaman dengan berjalan kaki ke kuliah dan kegiatan persatuan. Kita sedia maklum bahawa manusia memerlukan 10 ribu langkah setiap hari yang mana ianya sangat baik untuk peredaran darah dan pembakaran lemak. Bukan itu sahaja, di dalam bilik juga mereka boleh melakukan sedikit senaman ringkas seperti melakukan regangan, skipping, lifting menggunakan botol air, dan tekan tubi", katanya.

"Cara yang berkesan untuk mengambil suplemen pelangsing ini adalah dengan mengamalkan 3 aspek utama iaitu memahami pengambilan kalori seharian, mengetahui kegiatan yang mampu membakar lemak dan terapi tingkah laku. Ketiga-tiga aspek ini jika tidak dilakukan bersama pengambilan suplemen pelangsing ini maka ianya tidak akan berhasil", tambah beliau.

"Namun, siswa-siswi perlu ingat bahawa pengambilan suplemen pelangsing dalam jangka masa yang panjang adalah tidak digalakkan. Ianya mampu memudaratkan kesihatan dan mendatangkan kesan sampingan seperti masalah hati, buah pinggang, nadi menjadi laju, kurang air dalam badan, mudah berasa penat, imuniti yang lemah dan mudah mendapat penyakit. Terdapat juga kes yang menyebabkan kematian", jelas Dr Normala.

Dr Normala juga menjelaskan bahawa pengambilan suplemen pelangsing ini adalah tren dalam kalangan remaja yang obses dengan kecantikan. Bagi mereka yang mengalami obesiti ianya amat sesuai untuk mereka mengurangkan berat badan. Namun, terdapat remaja yang merasakan diri mereka gemuk walaupun sebenarnya mereka dalam kategori yang normal. Taksub kepada kecantikan ini juga boleh memberi kesan kepada mental dari aspek psikologinya seperti anoreksia dan bulimia.

Beliau berharap agar siswa-siswi tidak menggunakan alasan tiada masa dan tidak menggunakan jalan pintas untuk menurunkan berat badan kerana dengan bersenam mereka tidak perlu menghabiskan wang ringgit dan tidak melibatkan masa lama. Siswa-siswi juga harus membuat keputusan dengan bijak khususnya yang berkaitan dengan kesihatan supaya dapat menjamin kesihatan pada masa akan datang.

Kaunseling kumpulan efisien turunkan berat badan

Klinik pengurusan berat badan anjuran Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) guna kaedah kaunseling kumpulan kecil untuk hasil yang lebih baik. Klinik ini dijalankan setiap Jumaat 8 pagi hingga 12 tengah hari bermula November ini di Bilik Pengurusan Berat Badan Aras 1, Pusat Sejahtera USM.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera, Dr Normala Abdul Wahid penyertaan terbuka kepada siswa-siswi dan staf USM. Peserta dipilih berdasarkan beberapa faktor risiko seperti Jisim Berat Badan (BMI – Body Mass Index) melebihi 23, paras kolesterol yang tinggi dan menghadapi penyakit kronik yang lain.

"Peserta yang berdaftar akan melalui tiga sesi dalam kumpulan kecil. Sesi pertama peserta akan menjalani pemeriksaan badan, sesi suai kenal dan perkongsian maklumat pemakanan, teknik, tabiat dan galakan. Sesi kedua pula analisis buku diari pemakanan akan dijalankan bagi tujuan pemantauan. Pengukuhan pemakanan dan tabiat dijalankan pada sesi terakhir", katanya.

Statistik pada separuh tahun pertama 2014 menunjukkan seramai 22 peserta terdiri daripada 16 perempuan, 6 lelaki. Enam daripada 22 peserta berjaya turun sebanyak 5%.

"Pusat Sejahtera tidak mampu membuka lebih banyak sesi klinik pengurusan berat badan kerana kekurangan tenaga pengajar. Persatuan, pusat pengajian atau desasiswa disaran membuat program sebegini dan menjemput pihak kami memberikan taklimat. Kerjasama dua hala akan lebih berkesan", tambahnya.

Klinik dijalankan secara percuma dan mereka yang berminat hanya perlu datang ke kaunter pentadbiran atau menelefon terus Pusat Sejahtera USM.



Pengarah Pusat Sejahtera, Dr Normala Abdul Wahid.

JK saran parkir kenderaan tiada pelekat di Padang Kawad

Oleh **AU TSE EN NICOLE**

Senarai nama siswa-siswi yang diluluskan pemohonan untuk mendapatkan pelekat kenderaan Universiti Sains Malaysia (USM) telah diumumkan di Jabatan Keselamatan (JK) USM pada 8 Oktober yang lalu.

Menurut Ketua Unit Trafik JK USM, Muhamad Sidik Abdul Rahim, secara keseluruhannya, bilangan siswa-siswi yang memohon untuk pelekat kenderaan motosikal adalah 109 orang dan seramai 105 orang telah diluluskan pemohonan mereka, manakala bilangan pemohon pelekat kenderaan kereta adalah 919 orang, tetapi hanya 551 siswa-siswi antara mereka yang mendapat pelekat kenderaan. Dalam kalangan 551 siswa-siswi tersebut, terdapat 17 orang yang dikategorikan di bawah masalah kesihatan dan lima orang dalam kategori KIV.

"Kategori KIV itu untuk siswa-siswi yang memohon pelekat kenderaan di bawah persatuan-persatuan dan kelab-kelab tertentu yang masih belum lengkap pemohonannya", jelas beliau.

Beliau juga menjelaskan bahawa siswa-siswi yang tinggal di Desasiswa Restu, Saujana atau Tekun (RST) akan mendapat pelekat kenderaan berwarna oren, yang membolehkan kenderaan mereka dipandu ke desasiswa mereka serta sekitar kampus USM. Manakala siswa-siswi yang tinggal di dalam kampus akan diberikan pelekat kenderaan berwarna biru, di mana kenderaan mereka hanya dibenarkan dipandu di sekitar kampus USM sahaja.

Namun, beliau menyarankan siswa-siswi yang berkenderaan tetapi gagal mendapat pelekat kenderaan untuk meletakkan kenderaan di Padang Kawad supaya tidak dikunci roda.

dari halaman 1 . . .

terleka sehingga memberi peluang kepada mereka yang tidak bertanggungjawab bertindak sedemikian. Pada masa yang sama dia agak terkilan kerana kawalan keselamatan tidak ketat.

"Sebagai seorang siswa-siswi kita perlu lebih waspada dengan keadaan sekeliling dan jangan terleka dan mudah percaya kepada sesiapa. Jabatan Keselamatan seharusnya memikirkan kaedah yang sesuai untuk mengetatkan lagi kawalan keselamatan suapaya kes kecurian tidak berulang", jelasnya.

"Maklumat mengenai kes-kes kecurian yang berlaku perlu disebarkan kepada siswa-siswi supaya mereka lebih peka dan tahu tindakan yang perlu diambil sekiranya menjadi mangsa kecurian", ujarnya lagi.

Pegawai Jabatan Keselamatan, Prabu Mogan berkata kes kecurian yang berlaku di Universiti Sains Malaysia adalah disebabkan kecuaian siswa-siswi sendiri.

"Berkenaan kes kecurian yang terjadi di masjid baru-baru ini. Pusat Islam sepatutnya mengambil inisiatif menyediakan loker berkunci untuk kegunaan siswa-siswi. Jabatan Keselamatan akan membantu menyelesaikan kes-kes yang berlaku melibatkan keselamatan siswa-siswi", katanya lagi.

"Siswa-siswi perlu lebih peka dan jangan memandang remeh mengenai kes kecurian di masjid. Jika perlukan sebarang bantuan segera hubungi Jabatan Keselamatan. Kes kecurian yang berlaku pada tahun ini semakin menjadi-jadi berbanding tahun sebelumnya", jelas Prabu.

Siswa-siswi yang ingin membuat laporan tentang kegiatan yang mencurigakan boleh hubungi Jabatan Keselamatan di talian 04-6573970 atau melalui kaunter 24 jam di talian 04-653433/4334.

Kedai@PPKT hanya guna perisian berlesen

Kedai@Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT), USM hanya menggunakan perisian berlesen untuk menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada siswa-siswi pada sepanjang masa.

Menurut Muhammad Akhmal, juruteknik Kedai@PPKT, premis tersebut telah beroperasi sejak tahun 2010 dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada siswa-siswi bermula pada tahun 2013.

"Siswa-siswi akan mendapat jemputan atas talian secara rasmi daripada kami dan mereka boleh memilih tawaran percuma yang disediakan untuk sebarang pemasangan perisian, sekaligus akan dibekalkan dengan nombor siri lesen perisian tersebut", ujarnya.

"Caj pemasangan perisian yang dikenakan untuk siswa-siswi hanya RM 10 sahaja. Mereka haruslah bijak menggunakan perkhidmatan di Kedai@PPKT yang disediakan dengan harga yang berpatutan", tambahnya lagi.

Menurut Shabirah Hussain, Ilmu Kemanusiaan 2, perkhidmatan di Kedai@PPKT adalah mesra pelanggan dengan penawaran pelbagai perisian berlesen yang berkualiti.

"Kedai@PPKT mengurangkan beban siswa-siswi kerana kadang-kala mereka terpaksa mendapatkan perkhidmatan pemasangan perisian tidak berlesen yang mahal di kedai lain", jelasnya.

"Kami akan melakukan penambahbaikan dari segi penawaran perisian seperti Autocad, Smart PLS, Mathlab dan sebagainya mengikut keperluan pengajian siswa-siswi dari semasa ke semasa", kata Akhmal.

Peratusan undi Kampus Induk menurun

Peratusan siswa-siswi yang keluar mengundi pada Pilihan Raya Kampus (PRK) di Kampus Induk Universiti Sains Malaysia (USM) telah menunjukkan penurunan berbanding dengan PRK pada sidang 2013/2014.

Dalam PRK Kampus Induk kali ini, jumlah pengundi yang melaksanakan tanggungjawab mereka adalah sebanyak 57.44% berbanding dengan 60.23% pada sidang yang lepas. Hanya 5695 daripada 9953 siswa-siswi yang telah mengundi.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (HEPP) merangkap Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa (MPS), Profesor Adnan Hussein, faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan ini adalah siswa-siswi yang bersikap apati.

"Terdapat satu kumpulan siswa-siswi yang memang bersikap apati kepada apa-apa sahaja yang berlaku dalam kampus. Perkara ini lazim dalam mana-mana universiti dan kami istilahkan kumpulan tersebut sebagai kumpulan 'siswa-siswi hanyut", ulasnya.

Tambah beliau lagi, jumlah calon menang tanpa bertanding yang semakin meningkat juga antara faktor yang menyebabkan siswa-siswi tidak berminat untuk mengundi dalam PRK.

"Semakin ramai calon pusat pengajian yang menang tanpa bertanding, semakin kurang siswa-siswi daripada pusat pengajian tersebut tidak berminat untuk mengundi. Oleh sebab calon pusat pengajian mereka tidak bertanding, mereka hanya perlu mengundi untuk calon umum. Kesannya, siswa-siswi menganggap undian mereka tidak penting", katanya lagi.

Keadaan yang berbeza pula telah berlaku di Kampus Kejuruteraan USM, iaitu telah berlakunya peningkatan dalam peratusan dalam siswa-siswi yang mengundi dalam PRK kali ini. Siswa-siswi yang mengundi telah meningkat kepada 91.17% pada sidang ini, berbanding 84.32% pada sidang lepas.

Prof Adnan juga mengulas mengenai faktor suasana kehidupan siswa-siswi di Kampus Kejuruteraan yang menyebabkan peratusan undian PRK yang meningkat.

"Saya melihat komuniti di kampus tersebut adalah sangat rapat. Siswa-siswi di situ memang peka akan perkara yang berlaku di sekitar kampus dan sebab itulah PRK merupakan salah satu agenda yang mereka ingin ikuti", katanya.

Kata Prof Adnan lagi, pusat mengundi di Kampus Kejuruteraan yang terletak di pusat pengajian memudahkan lagi siswa-siswi untuk mengundi. Tambahan pula, kehidupan siswa-siswi lebih tertumpu kepada pusat pengajian masing-masing. Manakala di Kampus Induk, pusat mengundi terletak di setiap desasiswa dan Kompleks Cahaya Siswa.

Siswa-siswi perlu seimbang dalam berpolitik

Siswa-siswi diseru supaya sentiasa adil dalam memastikan kesahihan setiap kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu di dalam media sosial. Tindakan kurang rasional juga perlu dielakkan bagi melahirkan suasana berpolitik yang aman di dalam kampus.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Adnan Hussein yang ditemui oleh Berita Kampus baru-baru ini berkata, universiti mahukan siswa-siswi yang peka dan mengambil berat dengan isu semasa di sekelilingnya tetapi dalam masa yang sama, mereka juga perlu mengelakkan tindakan yang kurang rasional seperti terlibat dalam demonstrasi secara haram.

"Siswa-siswi perlu melatih diri untuk sentiasa memeriksa setiap kenyataan yang dikeluarkan terutamanya melalui media sosial kerana fakta boleh dicipta sesuka hati oleh penggunanya. Sikap tabayun sangat perlu dalam diri kita iaitu sikap sentiasa bertanya tentang sesebuah perkara sehingga kita berasa puas dengan penjelasan yang diberikan", katanya.

Tambah Adnan lagi, siswa-siswi juga perlu mengutamakan akademik walaupun aktif berpolitik kerana tanggungjawab mereka yang utama ialah menuntut ilmu. Dengan pengetahuan yang diperoleh akan memantapkan lagi posisi mereka sebagai pemimpin pelajar yang sejati.

"Saya menggalakkan siswa-siswi menggunakan saluran yang betul untuk menyuarakan aduan atau pendapat mereka tentang pengurusan universiti. Apabila universiti menerima pandangan ataupun aduan, tindakan akan diambil dengan segera bagi memastikan isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan dengan segera", katanya lagi.



Calon dan wakil calon sedang memerhatikan proses pembukaan peti undi.

Mantan YDP MPP bertanding lagi

Pendaftaran Mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan (MPP) Pelajar Mohammad Shafiq Bin Kamaruddin untuk bertanding sekali lagi pada saat akhir telah mengejutkan semua pihak. Belum pernah terjadi dalam sejarah Pilihan Raya Kampus Universiti Sains Malaysia (USM) Mantan YDP MPP yang lepas bertanding lagi.

"Saya menyertai sekali lagi kerana ingin menyempurnakan dua manifesto yang lepas iaitu penghakupayaan kewangan bagi semua persatuan yang berdaftar dan rasionalisasi tidak membebankan mahasiswa", katanya.

Seramai 72 orang calon yang mendaftar bagi merebut 45 kerusi di ketiga-tiga kampus, iaitu Induk, Kejuruteraan, dan Kesihatan. Penamaan calon bagi kampus Kejuruteraan dan Kesihatan dijalankan di kampus masing-masing.

Selain itu, 11 kerusi telah dimenangi tanpa bertanding. Antara pusat pengajian yang terlibat ialah Komunikasi, Pengurusan, Seni, Komputer Sains dan empat kerusi dari Institut Pengajian Siswazah.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa kerja Urusetia Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar, Tuan Haji Hussin Yahya, penamaan calon Pilihan Raya Kampus pada kali ini adalah yang paling tenang kerana tiada provokasi antara mana-mana pihak dan sebaliknya semua calon yang bertanding saling bergambar semasa mereka.


Pihak urus setia PRK sedang menjalankan proses pengiraan undi dengan system e-kira.

MPP perlu selami visi, misi USM

Oleh **NUR EMIRA SAIZALI**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (HEPP) merangkap Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa (MPS), Profesor Adnan Hussein meletakkan harapan kepada calon yang memenangi Pilihan Raya Kampus (PRK) Universiti Sains Malaysia (USM) 2014/2015 untuk memahami dan menyokong visi dan misi universiti terlebih dahulu.

Prof Adnan berkata menyokong tidak bermaksud patuh kepada arahan universiti, tetapi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) perlu faham maksud sebenar gagasan yang besar ini.

"Manifesto seperti menjaga kebajikan pelajar dan isu penempatan desasiswa sememangnya akan menjadi fokus utama MPP, tetapi pada dasarnya mereka sendiri perlu memahami hala tuju universiti dan menyebabkan kemungkinan siswa-siswi dan universiti akan ke arah yang berlainan", jelasnya.

"Sebagai sebuah universiti yang bertaraf APEX, kita mempunyai matlamat yang besar dan MPP USM harus mampu mendukung matlamat ini supaya ia tidak menjadi satu entiti dalam universiti yang menjejaskan pencapaian visi dan misi universiti", katanya.

Beliau turut menambah bahawa setiap individu mempunyai pandangan berbeza tetapi ia bukan satu penghalang untuk bersama-sama memacu dan merealisasikan tanggungjawab besar ini.

"Walaupun setiap orang mempunyai agenda yang berbeza, tetapi kedua-dua pihak harus bekerjasama bagi mencapai objektif tersebut. Tidak guna jika mempunyai agenda berlainan tetapi kedua-dua pihak ke arah berlainan, sedangkan kita berada dalam satu kapal yang sama", tambahnya lagi.

"Saya berharap agar MPP menjadi platform untuk membuktikan mereka berupaya melakukan perubahan besar dalam pelbagai perkara, menjadi suara siswa-siswi yang responsif kepada persekitarannya dan jurucakap dalam hal-hal yang memberi impak secara menyeluruh", jelas beliau lagi kepada Berita Kampus.

> Sebagai sebuah universiti yang bertaraf APEX, kita mempunyai matlamat yang besar dan MPP USM harus mampu mendukung matlamat ini supaya ia tidak menjadi satu entiti dalam universiti yang menjejaskan pencapaian visi dan misi universiti
>
> Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal & Pembangunan Pelajar) USM, Prof Dr Adnan Hussein



Siswa-siswi melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mengundi.

19 calon PRK menang tanpa bertanding

Pilihan Raya Kampus (PRK) bagi sidang 2014/2015 masih lagi terasa kehangatannya. Segala persoalan mengenai calon yang akan menjadi ahli Majlis Perwakilan Pelajar telah terjawab semasa sesi pengumumam pemenang kerusi PRK oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Prof. Dr. Adnan Hussein di Dewan Utama Perperiksaan (DUP), USM pada 16 Oktober lalu.

Seramai 72 calon telah bertanding dalam Pilihan Raya Kampus untuk merebut 45 kerusi yang dipertandingkan bagi sidang ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 19 calon telah menang tanpa bertanding bagi Konstituensi Pusat Pengajian dan Institut Pengajian Siswazah.

Menurut Prof Adnan, calon yang menang tanpa bertanding bukan satu isu yang besar atau serius untuk diperdebatkan. Untuk menjadi calon, ianya melibatkan kerelaan siswa-siswi tersebut untuk menjadi calon PRK.

"Bagi BHEPP dan pandangan universiti, kami merasakan sekiranya terdapat ramai calon yang menang tanpa bertanding maka ini akan menyebabkan tiada pertandingan akan berlaku, mengurangkan kos perbelanjaan semasa berkempen, dan menjimatkan tenaga kerja yang terlibat dalam proses PRK'', katanya.

Mengupas mengenai calon yang menang tanpa bertanding di Kampus Kesihatan, beliau berkata siswa-siswi di Kampus Kesihatan mungkin kurang berminat untuk bertanding sebagai calon PRK disebabkan kursus pengajian mereka yang lebih berat dan ini menyebabkan mereka memfokuskan kepada akademik.

Konstituensi pusat pengajian menang tanpa bertanding bagi Kampus Kesihatan. Manakala bagi Kampus Kejuruteraan, calon yang menang tanpa bertanding adalah dari Institut Pengajian Siswazah. Calon menang tanpa bertanding bagi Kampus Induk adalah daripada Pusat Pengajian Pengurusan, Komunikasi, Seni, Sains Farmasi, Sains Komputer, Bahasa, Literasi dan Terjemahan serta Institut Pengajian Siswazah.

Seramai 12 orang menjadi calon konstituensi umum Kampus Induk untuk merebut enam kerusi yang dipertandingkan.

KEPUTUSAN PENUH PILIHAN RAYA KAMPUS 2014 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KAMPUS KESIHATAN

KONSTITUENSI PUSAT PENGAJIAN
1. SAINS PERUBATAN Atikah Mat Rani, Muhammad Fikri Shaharudin Basri
2. SAINS PERGIGIAN Mohamad Yusof Rashid
3 SAINS KESIHATAN Muhammad Hanif Abdul Halim, Nurul Aishah Mohd Nasir

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH Azizul Akram Bin Salim

KONSTITUENSI UMUM Zaid Bin Abd Halim

KAMPUS KEJURUTERAAN

KONSTITUENSI PUSAT PENGAJIAN
1. KEJURUTERAAN AWAM Ahmad Shafiq Mohamad Nazri
2. KEJURUTERAAN KIMIA Nur Amirah Hani Mohd Azmi
3. KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK Nur Shahira Shahrul Hameed
4. KEJURUTERAAN MEKANIK Afi Zulhilmi A. Rahman
5. BAHAN DAN SUMBER MINERAL Muhammad Fadhilullah Al-Amin Abdul Razak
6. AEROANGKASA Nur Hafizah Kamal Azhar

INSTITUSI PENGAJIAN SISWAZAH Nurliyana Jamaluddin

KONSTITUENSI UMUM Iskandazaqwan Zikrullah Zainudin

KAMPUS INDUK

KONSTITUENSI PUSAT PENGAJIAN
1. PENGURUSAN Tan Yong Herr, Wei Min Jue
2. KOMUNIKASI Mohamad Hafiz Adisman
3. SENI Nur Nailah Aiman Rusli
4. SAINS FARMASI Reani Azwani Azmin
5. SAINS KOMPUTER Bernard Lee Jin Chuan
6. BAHASA, LITERASI DAN TERJEMAHAN Sanjeetha Harrie Raja Rahman
7. SAINS KIMIA Nur Liyana Ali
8. SAINS KAJIHAYAT Nur Hidayu Syuhada Adnan
9. SAINS MATEMATIK Nur Arif Azezan
10. SAINS FIZIK Nur Amirah Najihah Kamarudin
11. ILMU KEMANUSIAAN Mohamad Fitry Ariff Ahmad Zulkefley
12. ILMU PENDIDIKAN Mohd Fahmi Mohd Fadzli, Chew Wei Wen, Mohd Mustaqim Zakaria
13. SAINS KEMASYARAKATAN Muhammad Nur Alif Roslan, Nurceria Husna Mohamad Arif
14. PERUMAHAN, BANGUNAN DAN PERANCANGAN Muhammad Naim Osman
15. TEKNOLOGI INDUSTRI Muhammad Hakimi Hadzir

KONSTITUENSI UMUM
Mohamad Shafiq Kamaruddin, Mohamad Khairul Anam Masal, Mazni Mohd Zuki, Malathi Sivagami Sivakumaram, Goo Chuan Chiew, Nursyifa Shahida Bahrin

KONSTITUENSI INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH Jeganathan Kunasamy, Johari Jaffar, Mohd Zul Fahmi Zahari

KONSTITUENSI UMUM Md Yushalfy Misro

Tiada peruntukan dana untuk program ceramah

Program ceramah ilmu perdana bertajuk Iqra Pesanan Tuhan Buat Insan telah diadakan di Dewan Kuliah SK 4 pada 10 Oktober lalu, anjuran Kelab Sains Politik bersama Sains Kemasyarakatan. Program ini mendapat sambutan hebat namun hakikatnya tidak mendapat sebarang peruntukan dana dari mana-mana jabatan dalam Universiti Sains Malaysia (USM).

Pengarah projek, Nurul Shahida Zainal Abidin berkata, Perpustakaan dan Penerbit USM memaklumkan bahawa tiada sebarang peruntukan untuk program seperti ini.

"Penajaan diperoleh hanya dari Pusat Islam dari segi bilik rehat untuk pendakwah bebas, Prof Dr Ridhuan Tee Abdullah. Malah kutipan dana diperoleh daripada setiap AJK (ahli jawatankuasa) seramai 50 orang, dikenakan RM5 seorang", tambahnya.

Kutipan dana untuk kain rentang, tiket dan poster dicetak menggunakan duit AJK program itu sendiri. Cenderahati dan peralatan buku juga tidak diperuntukan oleh mana-mana jabatan di dalam USM.

Tujuan program ini adalah memupuk kesedaran dalam kalangan siswa-siswi tentang cara menimba ilmu dengan betul. Selain menimba ilmu, kutipan bayaran RM5 dikenakan kepada tetamu, RM1 bagi setiap tiket akan didermakan kepada pusat-pusat kebajikan di sekitar Pulau Pinang.

Menurut beliau, ini adalah cara terbaik untuk berkhidmat dalam memastikan siswa-siswi mendapat pendedahan tentang hak mereka sebagai pelajar tanpa mengenepikan hak sebagai hamba Allah. Program ini juga bertujuan membangunkan modal insan cemerlang dari segi rohani dan sahsiah serta disiplin diri.

"Harapan program ini adalah meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai kepentingan ilmu dalam kehidupan", tambahnya.

Kualiti udara USM catat bacaan tidak sihat

Kualiti udara di sekitar kampus Universiti Sains Malaysia (USM) mencatatkan bacaan tidak sihat iaitu bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) 100 kesan daripada masalah jerebu yang melanda kawasan negeri Pulau Pinang sejak minggu lalu.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera USM, Dr Normala Abdul Wahid, kehadiran hujan dalam tempoh beberapa hari yang lalu telah dapat menurunkan tahap IPU di Pulau Pinang sebanyak IPU 50 iaitu kategori sederhana.

"Walau bagaimanapun kita bersyukur kerana persekitaran USM masih terdapat pokok-pokok rendang yang bertindak sebagai penapis udara", katanya.

"Semenjak IPU di sekitar USM adalah tinggi, kami dapati terdapat aduan lebih mengenai masalah respiratori. Antara aduan yang kerap dilaporkan ialah iritasi tekak, batuk, iritasi mata dan mata berair, selsema dan bersin, gatal kulit dan sesak nafas", jelasnya.

Beliau mengulas, warga USM disarankan supaya mengurangkan kegiatan luar jika tahap IPU adalah tidak sihat (IPU 101-200). Jika perlu melakukan kegiatan luar, siswa-siswi digalakkan menggunakan penutup hidung yang bersesuaian, menggunakan kenderaan seperti bas, minum air yang banyak dan kerap mandi.

Beliau menyarankan agar warga USM lebih prihatin dan peka dengan keadaan persekitaran. Warga USM juga digalakkan mengunjungi laman web untuk melihat status dan mendapatkan info IPU di www.Doe.gov.my/apims.

Surat pembaca boleh dihantar ke [bkusm11@yahoo.com].

Gerhana bulan berdarah tarik minat siswa-siswi, orang awam



TERUJA...antara pengunjung yang tidak melepaskan peluang untuk melihat fenomena gerhana bulan penuh berdarah. **GAMBAR oleh Hafiz Adisman**

Oleh **SITI FASRIANA BINTI SHAARI**

Kawasan bukit sekitar Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi tumpuan aktiviti mencerap gerhana bulan penuh 8 Oktober lalu. Gerhana bulan yang digelar sebagai gerhana bulan berdarah ini mendapat perhatian daripada pelbagai pihak termasuk siswa-siswi.

Program ini dimulakan dengan ceramah oleh pensyarah Pusat Pengajian Sains Fizik, Profesor Madya Chong Hon Yew di lobi Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) USM. Ceramah ini bertajuk The Total Lunar Eclipes of 8 October 2014- Part 2 of the Amazing Tetrad.

Tetrad menurut ahli kelab astronomi, Emma Zulaiha Zulkifli adalah fenomena gerhana bulan penuh sebanyak empat kali. Kali pertama tetrad ini berlaku adalah pada 15 April yang lalu dan diikuti dengan bahagian kedua pada 8 Oktober. Bahagian tetrad yang berikutnya ialah pada 4 April 2015 dan 28 September 2015.

"Gerhana bulan kali ini istimewa kerana ia adalah gerhana bulan penuh", kata Emma.

Kelab Astronomi menyediakan teleskop untuk melihat gerhana bulan dengan lebih jelas. Kegiatan seperti ini membuka peluang kepada siswa-siswi untuk memperoleh pengalaman baru.

Kelab Astronomi turut menjalankan kegiatan star gazing pada malam hari Jumaat di Padang Kawad USM dan terbuka kepada semua yang berminat. Pelbagai kegiatan lain juga dijalankan iaitu bengkel membuat teleskop sendiri atau teleskop Dobsonian.

MyCSD kriteria utama penempatan di desasiswa

MyCSD (Continueous Student Development) menjadi kriteria utama penempatan siswa-siswi di Universiti Sains Malaysia (USM) bermula Sidang Akademik 2009/2010.

"Selain menentukan penempatan di desasiswa, MyCSD adalah transkrip kegiatan kokurikulum tidak berunit di USM selama tahun pengajian seseorang siswa-siswi di USM. Siswa-siswa digalakkan mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan yang dianjurkan di universiti agar tidak hanya menjadi insan yang cemerlang dari segi pendidikan tetapi juga aktif dalam bidang lain", kata Dr Nazarudin Zainun, Penyelaras MyCSD USM, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP).

Menurut Dr Nazarudin, melalui sistem MyCSD ini siswa-siswi digalakkan mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan di universiti tanpa hanya digelar ulat buku. Penglibatan yang seimbang dalam bidang ko-korikulam dan kurikulum adalah amat digalakkan dalam kalangan siswa-siswi USM agar dapat melahirkan generasi yang berkebolehan dalam pelbagai bidang termasuk kepimpinan, sukan dan sukarelawan.

Selaras dengan matlamat tersebut siswa-siswi yang mempunyai mata MyCSD yang tinggi akan diberikan keutamaan dalam penempatan di desasiswa.

"Sistem ini mula diaplikasikan berikutan penambahan bilangan siswa-siswi daripada tempat di desasiswa. Hal ini berbeza dari tahun-tahun yang sebelumnya di mana jumlah siswa-siswi adalah kurang berbanding tempat di desasiswa.

MyCSD adalah cara penentuan yang paling sesuai bagi mengenalpasti siswa-siswi yang layak mendapat desasiswa dan pada masa yang sama memberi peluang kepada siswa-siwi menonjolkan bakat yang terpendam dalam diri masing-masing", tambah Dr Nazarudin

PHS sedia bilik santai media



SANTAI... siswa-siswi dapat berehat sambil membuat tugasan kuliah dengan selesa

Oleh **NUR IZZAH ATIRA**

Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) telah menyediakan bilik santai di dalam bangunannya di tingkat dua. Kebanyakan siswa-siswi masih tidak jelas dengan fungsi bilik tersebut, bahkan ada juga yang menganggap ia hanya boleh dimasuki oleh siswa-siswi yang tertentu sahaja atau perlu membuat tempahan dahulu.

Azira Syafie, Sains Kemasyarakatan 2, berkata beliau hanya mengetahui mengenai bilik santai media ini pada awal semester ini setelah diberitahu oleh rakan bahawa mereka boleh memasukinya pada waktu yang ditetapkan tanpa membuat tempahan terlebih dahulu.

Bilik tersebut mula dibuka pada awal Januari ini selepas proses pengubahsuaian PHS siap sepenuhnya. Antara fungsi bilik tersebut adalah menempatkan ruangan menonton Astro, sudut santai, kemudahan penggunaan komputer dan juga bahan bacaan ringan seperti akhbar.

Menurut pembantu perpustakaan, Encik Rosli Ismail, siswa-siswi dapat berehat sambil melakukan tugasan atau bacaan dalam keadaan santai dengan adanya bantal dan meja duduk di bilik itu.

"Bilik santai media ini diletakkan di bawah pantauan Bahagian Media di sini. Terdapat dua orang pembantu perpustakaan yang akan memantau siswa-siswi", jelasnya.

Bilik santai media ini dibuka pada hari Isnin hingga Jumaat dan tutup pada hujung minggu memandangkan ia di bawah pengurusan Bahagian Media Perpustakaan, maka jadual pembukaannya juga bergantung pada mereka. Siswa-siswi boleh memasuki bilik ini pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Perkhidmatan pencetakan di Rumah Merah

Redhouse Business Solution (RBS) adalah sebuah syarikat yang telah lama bertapak di Rumah Merah Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai pusat pencetakan utama pusat pengajian di USM bagi mencetak buku dan bahan rujukan.

Menurut Pengerusi Redhouse Business Solution (RBS), Andy Yeap Kok Leong, RBS adalah sebuah syarikat yang bernaung di bawah Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran (PKAP) yang terletak di Bangunan A04, USM.

"Kami menyediakan perkhidmatan fotostat dan pencetakan seperti nota kuliah, bahan tambahan bacaan, buku rujukan, brosur, kain rentang, muka tesis berkulit keras dan membaik pulih mesin fotostat. RBS adalah salah satu syarikat yang sering menjadi tumpuan pusat-pusat pengajian di USM bagi mencetak buku dan bahan rujukan untuk siswa-siswi", jelasnya.

Andy berkata, pihak mereka tidak mencetak buku-buku yang tidak diberi kebenaran oleh pencetak asalnya kerana kegiatan tersebut adalah salah di sisi undang-undang.

Tambahnya, dari segi kos perkhidmatan pencetakan dan fotostat yang ditawarkan adalah masih sama sejak penubuhan syarikat tersebut 22 tahun yang lalu. RBS juga akan menyediakan perkhidmatan yang terbaik demi kepuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan mereka tawarkan.

Debat Mandarin USM bertanding di Taiwan

Oleh **NG XIANG YI**

Pasukan Debat Mandarin Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Sains Malaysia (PBT USM) gagah mewakili USM dan Malaysia bertanding di Taiwan selama tiga hari iaitu 17-19 Oktober 2014.

Pertandingan tersebut dikenali sebagai Pertandingan Piala Kewibawaan Debat Antarabangsa Bahasa Cina Ke-8 dan berlangsung di Universiti Soo Chow di Taipei. Pertandingan tersebut mendapat penyertaan 24 pasukan dari Taiwan, Hong Kong, Macau dan Malaysia. Pasukan debat Mandarin PBT USM merupakan satu-satunya wakil dari Malaysia.

Antara wakil pendebat ialah Lim Jia Qin, Sains Kimia 2, Tan Yong Chee, Sains Kimia 3, Chen Bao Shian, Teknologi Industri 3, Tan Tiong Herng, Sains Farmasi 2, Yew Jia Ying, Sains Farmasi 2, Angie Cho, Komunikasi 3, dan Ng Yie Syuen, Sains Komputer 2.

Ini turut merupakan kali kedua pasukan debat PBT USM mewakili Malaysia bertanding ke Taiwan dan berjaya mendapat tempat ketiga pada Oktober 2013.

Menurut Lim Jia Qin, mereka mengambil masa lebih daripada satu bulan untuk membuat persediaan pertandingan tersebut. Latihan persediaan dibuat hampir tiap-tiap malam. Analisa kekuatan pasukan lain turut dibuat untuk membuat persediaan yang lagi mantap.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Agensi Menolak Rasuah Jabatan Keadilan Taiwan (Agency Against Corruption, Ministry of Justice), Jabatan Etika Kerajaan Bandar Taipei dan Jabatan Polis Bandar Taipei.

Objektif pertandingan ini bertujuan memupuk semangat kerjasama dan keupayaan spekulasi belia, memperluaskan pemikiran global belia dan mengenali perkembangan persaingan globalisasi dan kecekapan pentadbiran luar negara.

Ekspedisi ke Taiwan kali ini memerlukan perbelanjaan kewangan sebanyak RM24,818 disebabkan penyertaan pertandingan debat antarabangsa. Mereka berjaya mengutip tajaan kewangan sebanyak RM20,740 dari beberapa pihak. Antara penaja utama ialah Syarikat Penerbangan China Airlines, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) USM, Exco Kerajaan Pulau Pinang Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti atas sokongan kepada usaha pasukan debat USM mewakili Malaysia ke Taiwan.

Mereka juga mendapat sokongan kewangan daripada Persatuan Bahasa Tionghua (PBT), Syarikat Elektronik HASEE Malaysia, Syarikat Industri Makanan SiniBest Sdn Bhd (SOYA BOSS) dan Persatuan Ann Koai untuk menjayakan program budaya antarabangsa ini.

USM debaters excel at GGD2014

Four Universiti Sains Malaysia (USM) debaters made history when all of them managed to break into the quarter finals of The Great Gender Debate 2014 (GGD2014) which was held from 10-13 October at Universiti Putra Malaysia (UPM).

The two teams from USM featured senior-junior pairings, with juniors being defined as debaters who have not joined any major tournaments. USM was represented by Yew Sen Nian and Joyce Fan (USM A) who broke at 5th place, while Debra Wong and Adriel Sison Churchill (USM B) broke at 9th place.

According to the team's external trainer, Mr. Brendan Lo Rick, both teams performed extraordinarily despite not being able to make it to the semi-finals.

"I am ecstatic. Having teams ranked 5th and 9th in this tournament as opposed to last year where only one team broke shows that we have come a long way, and that our teams are now the top ten in Malaysia." Brendan added that the fact that this was a senior-junior pairing shows the true quality of the debaters, both as seniors who are capable to develop young talent, and young talent that are able to rise to the challenge.

For Adriel, who represented USM for the first time, the tournament experience was positive and exciting, despite him being nervous due to his lack of experience.

"As the tournament progressed, my confidence level increased and I got closer to my ideas, ideals and persona as a whole. To me, I felt pure excitement when I was able to face more experienced debaters with courage." Adriel added.

Brendan hopes that the club could continue to maintain its steady record for this semester and the next one.

"We've been consistently breaking for the past four tournaments we've taken part in. So I hope that the team continues to develop the junior members while pushing into semi-finals and top 5 positions in future tournaments," he said.

The tournament, which was organised by the NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) in conjunction with the Ministry of Women, Family and Community Development featured more than 90 teams from various public tertiary institutions in Malaysia compete for the title of champion in Malay and English language categories.

For the English category, International Islamic University Malaysia (IIUM) won first place, Universiti Teknologi Mara (UiTM) won 2nd and 3rd place and Universiti Malaya (UM) won 4th place.

Adikarma USM menyerlah di Festival Tari Malaysia



KEJAYAAN….Adikarma USM di Festival Tari Malaysia peringkat Pulau Pinang membuktikan bahawa Adikarma mampu menggorak langkah ke peringkat antarabangsa.

Adikarma Universiti Sains Malaysia (USM) menyerlah di Festival Tari Malaysia peringkat Pulau Pinang melalui kemenangan mereka menjadi johan zon kategori tradisional dan mendapat tempat ketiga bagi kategori tradisional Zapin Parit Mastar di Penang Times Square.

Adikarma USM telah menghantar tiga kumpulan tarian iaitu dua kumpulan penari tradisional dan satu kumpulan tarian moden. Dua kumpulan tarian tradisional terdiri daripada kumpulan Zafana, Ngalay (Sabah) dan zapin Melayu.

Adikarma USM juga telah bertanding di peringkat Nusantara pada 17 sehingga 21 September 2014 bertempat di Aeon Au2, Setiawangsa, Kuala Lumpur. Terdapat 4 kumpulan negara yang terlibat iaitu daripada Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia.

Manakala, dalam sejarah penglibatan Adikarma ke peringkat kebangsaan, pertandingan ini merupakan pertandingan pertama Adikarma yang bertujuan mencuba bakat peserta bertanding dengan penari profesional daripada persatuan luar.

Menurut penari Adikarma Hasbullah Hashim, proses pertandingan ini bukanlah sesuatu yang biasa, tetapi kategori persembahan selama 3 minit ini terdapat dua jenis persembahan iaitu tarian zapin dan juga zapin battle. Pertandingan ini tidak mementingkan paras rupa penari tetapi postur pergerakan badan yang menjadi ukuran.

"Kejayaan Adikarma USM ini telah membuktikan bahawa Adikarma mampu menggorak langkah lebih jauh dan berjaya suatu hari nanti", tambahnya lagi kepada Berita Kampus.

Komitmen dan sikap yang baik ditunjukkan oleh para peserta Adikarma juga telah dibuktikan melalui penganugerahan ikon terbaik kepada para peserta Adikarma USM dan telah menjadi johan zon utara di peringkat Empayar Akar Kita Zapin Nusantara.

Adikarma bakal mewakili Pulau Pinang ke Peringkat Kebangsaan Festival Tari Malaysia pada Februari 2015.

Semarakkan konsep kelestarian menerusi perkhidmatan Ecovan

Usaha murni Universiti Sains Malaysia (USM) yang menggunakan Ecovan pada tahun 2014 telah menerapkan konsep kelestarian dalam kalangan siswa-siswi kampus induk.

Menurut Pembantu Tadbir Sektor Perkhidmatan & Kemudahan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Zulkafli Harun, Ecovan ialah perkhidmatan kenderaan kuasa elektrik yang mesra alam kerana berfungsi tanpa penggunaan petrol sekaligus berjaya mencetuskan konsep kehijauan.

Beliau berkata, empat buah Ecovan disediakan khas untuk siswa-siswi , staf serta para pelawat bagi memudahkan mereka untuk bergerak sekitar kampus. Perkhidmatan Ecovan dimanfaatkan oleh siswa-siswi terutamanya mereka yang tinggal di Desasiswa Cahaya Gemilang.

Perkhidmatan ini beroperasi selama tujuh hari seminggu dan siswa-siswi dapat menikmati kemudahahn Ecovan bermula jam 7.45 pagi hingga 10.45 malam. Perkhidmatan Ecovan masih tidak mempunyai lauan yang tetap dan masih dalam perancangan.

"Ecovan tidak dikendalikan oleh siswa-siswi USM dan segala kos perkhidmatan ditanggung sepenuhnya oleh Universiti Sains Malaysia tanpa mengenakan sebarang kutipan dari siswa-siswi", ujar beliau.

USM Jazz Band's Tutti Ensemble wins Best Performance award



TWICE IN A ROW...Tutti Ensemble with their second consecutive win for Best Performance in Rentak Bitara

Universiti Sains Malaysia Jazz Band's Tutti Ensemble won the 'Best Performance' title at the Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) Rentak Bitara Competition which was held at Dewan SITC, Universiti Pendidikan Sultan Idris on 11 October.

Tutti Ensemble, which is a branch out of the main Jazz Band group, consists of 10 musicians , which are Leslie Wong Seng Kit (trumpet), Alvin Yong Shee Meng (trombone), Lim Poon Koon (tenor saxophone and tabla), Tan Bao Yun (alto saxophone and keyboard), Maurice Ian Wee (violin), Douglas Elliot (vocals), Khoo Wei En (keyboard and Er Hu), Mohd Faisal (electric guitar), Martin Tang (bass guitar) and Sherlyn Goo Khar Shing (drums) under the guidance of Associate Professor Madya Razif Mohd.

The group performed their own interpretation of Anuar Zain's Bila Resah and Indian hit classic Albela Sajan, which coincides with the requirements of the competition to perform two songs based on pop or R&B and ethnic rhythms respectively.

Last year, the group won 2nd place as well as the Best Performance award. However, this year, they did not manage to get into the top 3 after losing out to Universiti Pendidikan Sultan Idris, UiTM Shah Alam and Universiti Malaya. Despite all that, the results does not dampen their spirits.

Alvin, one of the performers, explained that he is happy enough to win an award and stressed on the entire experience of the whole event.

"Even though we are upset, at least I am satisfied because all our hard work goes for the Best Performance award. For me, it does not matter whether we win or lose, as long as we enjoy the competition", said Alvin.

The band members felt that this year's contestants are more competitive compared to last year. Alvin said that they are bit challenged because the teams this year are very good and competitive.

Leslie Wong thinks that all the participants had raised their standard for the competition.

"I think everyone had raised their standard and I did not expect everyone to be that strong, compared to last year", he explained.

Mohd Faisal expressed that the competition serves as good platform for university students. as there are many talented students and this competition should be held every year for them to shine. He also added that the students can gain experience from such competitions.

Apart from the music, the group had taken the extra effort on their outfit during the competition. In relation to the music, they wore the traditional costume of the Murut tribe, which introduces the ethnic element that was required for them to compete.

Prof Razif felt that the outfit is the main element that contributed to them winning the Best Performance award.

"The outfit that they have chosen shows the extra effort that they have taken. That means they put forth an extraordinary amount of effort compared to other groups and that is how they won the Best Performance award", he explained.

In terms of preparation, the group only had about a week for practice before the competition.

When asked about how he felt on the group's performance, Prof Razif said that the group had managed to maintain their musicality in different environment. The group had also been practicing in specific positions where they can communicate visually. However, during the competition, their positions were changed and this has affected the aesthetic balance of the band.

There were a total of 10 local universities who competed in this event. Tutti Ensemble received a trophy and a reward of RM300 for the Best Performance.

Siswa-siswi seni USM timba ilmu di Jogjakarta

Oleh **MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE**

Siswa-siswi jurusan Seni Halus Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan Bengkel Seni Cetak dengan kerjasama siswa-siswi jurusan Seni Rupa Murni Universiti Sebelas Maret (UNS) Solo di Jogjakarta.

Pengarah Program, Lau Zhen Hao berkata tujuan program ini bertujuan untuk mendedahkan cara untuk menghasilkan seni cetak dan mewujudkan persilangan budaya antara dua buah negara.

"Kami juga mengadakan diskusi antara siswa-siswi USM dan UNS mengenai seni mengikut kefahaman setiap negara", jelasnya kepada Berita Kampus.

Menurut Lau, bengkel yang dianjurkan adalah untuk mengasah lagi kemahiran membuat woodcut printmaking antara siswa-siswi USM dan UNS.

Sebanyak 50 karya seni hasil daripada bengkel dipamerkan di Galeri Seni Rupa UNS.

Lau berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan memberi peluang juga kepada siswa-siswi lain untuk membuka minda ketika berada di negara orang.

Amirul Almi, Seni 3 berkata, beliau dapat mempelajari tentang kesusahan siswa-siswi seni UNS yang kekurangan kelengkapan peralatan seni.

"Walaupun siswa-siswi seni UNS serba kekurangan peralatan berbanding siswa-siswi seni USM yang serba moden, mereka tetap menghasilkan karya seni yang mantap dan banyak", jelasnya kepada Berita Kampus.

Amirul berharap siswi-siswi USM yang mengikuti bengkel ini dapat memotivasikan diri untuk terus maju dalam bidang seni dan mengubah persepsi yang sedia ada.

Syasya Kamarudin, Seni 3 pula berkata siswa-siswi seni UNS terpaksa meminjam duit untuk melanjutkan pelajaran dan membeli peralatan seni tetapi cinta pada seni amat kuat.

"Saya kagum dengan mereka kerana mempunyai sifat kesabaran yang amat kuat dan mengisi masa lapang dengan menghasilkan karya seni berkualiti", katanya kepada Berita Kampus.

Syasya berharap dapat menerapkan rasa cinta akan seni dan menyebarkan ilmu yang diperolehi kepada siswa-siswi yang lain.

Experience global cultures at USM International Gala Night 2014

Universiti Sains Malaysia (USM) students were treated to a night of performances from different countries and genres at the USM International Gala Night 2014, which was held at Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) on 17 October from 8.00pm to 11.30 pm.

Exchange students and invited performers from Russia, India, Japan, Indonesia, Thailand, Korea, China, Saudi Arabia and Iraq entertained the audience with a variety of performances, such as songs, dances, dramas and cultural performances. USM Jazz Band and Adikarma USM were also invited to perform the opening and closing acts, respectively.

According to the Project Director, Muhammad Imran Sarwar, the committee introduced various new elements into the annual event to make it stand out from those held in previous years.

"We introduced performers from countries who have not performed before in USM, such as Russia, Saudi Arabia and Iraq. Besides that, we invited the USM Jazz Band to perform several songs as our opening act to introduce different musical genres for the event," he said.

He added that this year's International Gala Night experimented with the varieties of the performances as well, featuring modern and traditional performances from 10 countries.

Tatiana Gounar, an professional dancer from Russia that performed a ballet and a Russian folk dance to much applause from the audience, explained that both her choices of dance reflect her country well.

"The Russian folk dance obviously represents my country and culture. However, ballet also does not fail to do so because Russia is famous for its ballet dancers as well," Tatiana said, adding that this was the first time she performed in Penang.

Kaoutar, an exchange student from Morocco majoring in Finance, found the event well organised.

"If I could describe the Gala Night in one word, it would be 'amazing'. There was participation from students of all nationalities in the event."

Sebastian, an exchange student from Austria majoring in Industrial Engineering, enjoyed the varieties of performances that were featured in the event.

"There was everything – from modern dances such as the K-pop routine by the South Koreans to the traditional Malay performance from Adikarma USM. I would have liked to see more performances from Europe though in the future," he said.

This year's International Gala Night was organised by the Institute of Postgraduate Studies, USM in conjunction with USM International Office and The Non-Hostelite Students' Association (PETAS) and featured a combined committee of postgraduate and undergraduate students from all races in Malaysia.

Languages bring international and local students together

Universiti Sains Malaysia (USM) students experienced various local and international cultures during Minggu Lestari Bahasa which was organised by the School of Languages, Literacies and Translation.

There were many activities held during week, including movie screening, food and snacks stalls, poetry recital, Budi Bicara, language games, foreign language singing competition and also demonstrations.

One of the demonstrations held is on Loy Krathong, organised by Thai language section. Loy Krathong is known as 'festival of lights' by the Thai community. The demonstration, show students how to make the Loy Krathong using fresh flowers, banana leaves and trunks.

According to the Thai language lecturer, Miss Wallapa Buranawijarn, the event has managed to promote Thai culture among USM students based on the number of students who supported and attended the talk on Loy Krathong.

"During my presentation two days ago, the audience are over 100 and all of them are Malaysians. I believe that was a good way to promote Thai culture among the students", she explained.

She also added that the response from the students is as good as the response received two years ago.

"The students are very enthustiatic, so we are very overwhelmed, even though it is just selling ice cream. If students have time or are passing by, they would drop by", she said.

The Dean of School of Languages, Literacies and Translation, Prof Madya Dr Tengku Sepora Tengku Mahadi felt the same way too.

"I heard from my staff it turned out quite well and they had a lot of fun. The students seem to show good participation in quite a number of activities", she said.

Miriam Devaprasana Samuel, Humanities 1, thinks that the school has made a good effort in promoting international culture.

"I think it is a good effort made by the school because I think people really need to know we do offer foreign languages only but to know the culture more in depth rather than just learning the language without knowing its origin", said Miriam.

There also food and snacks stalls on various languages section were set up such as nasi lemak (Bahasa Malaysia), aloe vera juice and fried sweet potato (Korean), sushi (Japanese) and German sandwich (German).

According to the German language lecturer, Siti Waltraud Mayr, to promote the culture, food is one of the means of promoting culture to the local students.

"I think we can display our different culture and bring it closer to the students. At the same time, we can also make them aware of the languages that are being taught here", she explained.

Miriam felt that this event brings home closer to international students.

"I think it is nice that there is a sense of opening of the culture and the university supports events like this. USM has international students as well. It it really nice that the event is held so that they get to participate", she added on.

Minggu Lestari Bahasa were held from 8 to 10 October at the compound of the School of Languages, Literacies and Translation.

Language is more than words

Emphasising the link between language and culture is the aim of Minggu Lestari Bahasa that was organised by the School of Languages, Literacies and Translation (PPBLT).

The theme for the Minggu Lestari Bahasa this year is 'Empowerment through Language and Culture'.

According to the dean of PPBLT, Prof Madya Dr Tengku Sepora Tengku Mahadi, the programme aims to introduce various cultures to the students through languages.

"We would like to emphasise the strong relationship between culture and language. That is the most important point that we are trying to achieve", she explained.

The objectives, according to the Project Director, Puan Siti Noraini Jupri, are to introduce the role of languages in shaping our thoughts and also various cultures through language-based activities to the students of Universiti Sains Malaysia (USM).

"The students get to use the language they learnt to interact with other students when they join the activities that we organised. That is the impact that we want," she said.

Prof Madya Dr Tengku Sepora added that language is part of culture and culture is embedded in language. There is more to language learning than grammar.

"In certain societies, languages are used to show respect for the elderly. For example, the Japanese language is a language with elements that indicate respect to subordinates or superiors", she explained.

She also explained that the usage of language portrays our values and worldviews.

"If we are able to understand this, it will be easier for us to interact with the Middle Easterners, French, Germans and Japanese. We become more sensitive towards them due to our knowledge of the language", she added.

According to Prof Madya Dr Tengku Sepora, she aimed for this year Minggu Lestari Bahasa to reach out and get more students' involvement.

"Our language gala two years ago was held on a bigger scale with food stalls up on the road. However, that cost us a lot financially. Even though there were a lot of people, I felt that it lacked something", she explained.

According to the Project Director, Puan Siti Noraini Jupri, the response received was very positive even though the programme was downscaled compared to two years ago.

"The students' involvement this year is very good and they really enjoyed themselves", she said.

Prof Madya Dr Tengku Sepora also added that for a small programme, it has been successful. The students have benefited from the programme while the staffs enjoyed themselves.





[KANAN]Abdul Halim Isa telah bergraduasi pada Konvokesyen Universiti Sains Malaysia yang ke-48 dan berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Ilmu Kemanusiaan pengkhususan Kesusaateraan. [KIRI] Sama seperti siswa-siswi sepenuh masa, mereka juga perlu menghadiri minggu Siswa Lestari untuk bersuai kenal antara satu sama lain serta mengenali Universiti Sains Malaysia dengan lebih dekat

Menyelusuri kehidupan siswa-siswi PPPJJ

Kehadiran mereka di bumi Minden mungkin kurang disedari oleh warga kampus terutamanya siswa-siswi sepenuh masa. Namun begitu, menurut Dekan PPPJJ Prof Madya Dr Mustafa Fadzil Farid Wajidi, PPPJJ mempunyai jumlah siswa-siswi yang ramai di USM iaitu melebihi 7000 orang.

Siswa-siswi sepenuh masa mungkin tidak menyedari kehadiran mereka kerana kebiasaannya siswa-siswi PPPJJ ini akan berkampung di USM apabila siswa-siswi dalam kampus mula bercuti semester sekitar bulan Januari setiap tahun. Mereka juga mempunyai perlaksanaan pembelajaran yang berbeza jika dibandingkan dengan pelajar sepenuh masa.

Mereka yang datang dari pelbagai latar belakang kerjaya seperti guru sekolah, pegawai kastam dan polis mempunyai matlamat untuk mendapatkan segulung ijazah. Sebagai siswa-siswi PPPJJ mereka berdepan dengan pelbagai dugaan dalam menamatkan pengajian. Hal ini disebabkan mereka perlu membahagikan masa antara kerjaya, pelajaran dan keluarga.

Menurut Riduan Ramli, siswa PPPJJ Sains Kemasyarakatan 3, masalah masa boleh diatasi sekiranya dapat diuruskan dengan betul. Sebagai pekerja sosial, Riduan mempunyai waktu kerja yang tidak menentu kerana terlibat dalam operasi gelandangan, memberi bantuan kepada mangsa bencana serta menguruskan kaunter perkhidmatan.

"Sekiranya saya tidak bertugas untuk terlibat dalam operasi, selepas balik bekerja dari pejabat saya akan meluangkan masa selepas waktu Isyak untuk fokus kepada pelajaran. Saya mengambil masa antara sejam atau dua jam untuk melakukan tugasan atau mengulang kaji pelajaran. Setakat ini saya masih boleh menguruskan masa dengan baik", ulas beliau.

Tambah beliau lagi, penggunaan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran membantu siswa-siswi untuk mengakses maklumat dengan mudah pada bila-bila sahaja sekaligus dapat menyesuaikan masa yang padat dengan lebih efektif.

Manakala Mohd al-Hafiz Mustafa, siswa PPPJJ yang mengambil jurusan sastera, menyatakan kekangan lain yang dihadapi oleh mereka adalah masalah keluarga. Komitmen terhadap keluarga sangat diutamakan kerana beliau mempunyai anak seramai dua orang yang perlu diberikan perhatian.

Beliau juga menyatakan kerjayanya sebagai pensyarah sepenuh masa di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar turut membataskan masanya untuk memberi sepenuh perhatian terhadap pengajiannya. Tanggungjawab sebagai suami, ayah, pensyarah dan mahasiswa digalas dalam satu masa sekaligus.

TARIKH	AKTIVITI	LOKASI
11 Ogos 2014 - 14 Ogos 2014	Program Siswa Lestari Sidang Akademik 2014/2015	Kampus Induk USM
2 September 2014 - 20 Januari 2015	Kelas Sidang Video (Sesi Sebelum Kursus Intensif)	Kampus Induk USM dan Pusat Wilayah di seluruh Malaysia
21 Januari 2015 - 10 Februari 2015	Kursus Intensif Sidang Akademik 2014/2015	Kampus Induk USM
11 Februari 2015 - 31 Mei 2015	Kelas Sidang Video (Sesi Selepas Kursus Intensif)	Kampus Induk USM dan Pusat Wilayah di seluruh Malaysia
1 – 19 Jun 2015	Peperiksaan Akhir Sidang Akademik 2014/2015	Kampus Induk USM dan Pusat Peperiksaan di seluruh Malaysia
3 – 7 Ogos 2015	Peperiksaan KSCP Sidang Akademik 2014/2015	Kampus Induk USM

Usia bukan penghalang

Abdul Halim Isa, 50, ialah salah seorang graduan PPPJJ USM dalam bidang Ilmu Kemanusiaan (Sastera). Kerjayanya sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh, Hulu Terengganu menyebabkan beliau nekad menyambung pelajarannya di USM atas dorongan rakan-rakan gurunya yang turut menyambung pelajaran di sini.

Bapa kepada 11 orang anak ini mempunyai matlamat yang tersendiri untuk menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana Muda. Ingin menjadi contoh yang terbaik kepada anak-anaknya, beliau menyifatkan menuntut ilmu adalah sesuatu yang berterusan dan tidak mengira usia.

Menjadi siswa pada usia yang agak lewat sedikit sebanyak mengganggu tumpuan dalam kerjaya dan pelajaran. Tambahan pula, beliau mempunyai masalah kesihatan yang membuatkan beliau tidak selalu boleh berjaga malam untuk menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh pensyarah.

Beliau juga sering dipersendakan oleh rakan-rakan kerana masih gigih untuk menyambung pelajaran. "Rakan saya berkata bahawa saya tidak perlu menyambung pelajaran dan anak saya yang perlu meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana kebanyakan daripada mereka mengatakan usia saya sudah tua dan tidak perlu belajar", katanya.

Bagi beliau, siswa-siswi PPJJ mempunyai kelebihan yang tersendiri apabila telah bergraduasi. "Kebanyakan pelajar PPJJ sudah mempunyai kerja yang tetap dan kami tidak perlu runsing untuk mendapatkan kerja apabila sudah bergraduasi. Malahan ia turut menjadi batu loncatan sama ada dari segi pertambahan pengalaman dan kenaikan tangga gaji", katanya kepada Berita Kampus.

Tambahnya lagi, antara keadaan paling getir bagi dirinya sepanjang menjadi siswa PPJJ ialah untuk berulang alik dari kediamannya di Kuala Berang ke Kuala Terengganu sepanjang 56 kilometer untuk mengikuti sesi video bersama pensyarah. Dia seorang guru yang mengajar di pendalaman turut menghadapi kesukaran untuk mengakses internet di kawasan tempat tinggal dan terpaksa pulang lewat kerana semata-mata ingin mendapatkan akses internet bagi mendapatkan nota-nota yang dimuat naik oleh pensyarah.



Pengurusan tertinggi USM sentiasa menyokong hasrat siswa kekurangan upaya untuk meneruskan pengajian di peringkat sarjana muda

Info tentang Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) USM



Kemasukan siswa-siswi Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM pada sidang 2014/2015 secara keseluruhannya mencatatkan bilangan sebanyak 1196 orang berbanding tahun lepas sebanyak 2251 orang



Bagi siswa-siswi tahun kedua dan ke atas, buku-buku rujukan akan dihantar ke tempat tinggal mereka tidak seperti ketika tahun pertama dimana mereka perlu mengambil sendiri buku di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

VISI

Untuk memimpin, berinovatif dan meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan setiap disiplin ilmu melalui pendidikan jarak jauh dan pendekatan konvensional untuk hari esok yang mampan.

MISI

PPPJJ akan terus meningkatkan perkhidmatan akademik dari segi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, pembinaan jaringan di peringkat, perundingan dan pentadbiran negara dan antarabangsa yang berkualiti tinggi dan sedia berkhidmat kepada masyarakat melalui komitmen secara menyeluruh daripada setiap kakitangan bagi mencapai misi universiti itu.

OBJEKTIF PPPJJ

- Untuk menyediakan peluang kepada golongan dewasa yang sudah bekerja untuk mendapatkan melanjutkan pengajian tinggi.
- Untuk menggalakkan pendidikan di kawasan yang kurang maju di negara ini.
- Untuk meningkatkan produktiviti negara dengan membekalkan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan.
- Untuk memupuk pembangunan kapasiti manusia melalui pembangunan kemahiran dan pengetahuan.

TEMPOH PROGRAM

- Rancangan Sarjana Muda PJJ adalah rancangan ijazah empat tahun. Siswa-siswi perlu mengumpul sekurang-kurangnya 120 unit bagi memenuhi syarat pengijazahan.

YURAN PENGAJIAN

- PPJJ Universiti Sains Malaysia merupakan salah satu pusat pengajian yang menawarkan yuran pembelajaran yang standing dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia.
- Kadar yuran USM setiap semester adalah antara RM1231.00 dengan RM1491.00, bergantung pada kursus yang diambil.

KELAYAKAN KEMASUKAN PROGRAM PJJ

- Tiada had umur, asalkan berumur 21 tahun dan ke atas.
- Calon-calon PJJ mestilah lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Persekolahan Vokasional Malaysia (SPM/MCE/SPVM) atau yang setaraf dengan mendapat Kepujian dalam Bahasa Malaysia dan mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET) sebelum tempoh berijazah.

PELAKSANAAN PENGAJIAN

- Siswa-siswi tidak perlu menghadiri kuliah di Kampus Induk, Pulau Pinang tetapi mereka perlu menghadiri kuliah di Pusat Wilayah terdekat. Terdapat 12 buah Pusat Wilayah PJJ USM di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

> “Untuk memimpin, berinovatif dan meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan setiap disiplin ilmu melalui pendidikan jarak jauh dan pendekatan konvensional untuk hari esok yang mampan”

Tahukah anda ?

Universiti Sains Malaysia ialah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama yang menawarkan program pengajian jarak jauh kepada lepasan STPM dan diploma yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran pengajian sepenuh masa. Ia mula ditubuhkan pada tahun 1971 dan diberi nama Program Rancangan Pengajian Luar Kampus.

Program ini adalah yang pertama diadakan di Malaysia dan dianggap satu tindakan yang berani Naib Canselor Pertama USM ketika itu iaitu Allahyarham Tan Sri Hamzah Sendut.

Program yang julung kali ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) pada dua tahun terawal ialah Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan dan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan. PPPJJ juga pada ketika itu turut menawarkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan Sarjana Muda Ilmu Pendidikan namun program tersebut terpaksa dihentikan di atas alasan yang tertentu.

Tempoh pengajian adalah antara empat hingga lima tahun pada awal permulaan program ini. Mungkin tiada siapa yang mengetahui siswa-siswi PPPJJ ini juga pernah diwajibkan untuk menetap di dalam kampus selama satu tahun pada tahun terakhir pengajian mereka. Namun begitu, keperluan ini telah dimansuhkan sekitar tahun 1992 dan sehingga kini dijadikan sebagai program pengajian jarak jauh sepenuh masa. Kini,

PPPJJ hanya menawarkan empat bidang seperti berikut:

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) - Kimia, Biologi, Fizik, Matematik
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian) - Kewangan, Organisasi, Pemasaran
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) - Geografi, Sejarah, Kesusasteraan
- Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) - Ekonomi, Sosiologi dan Antropologi, Sains Politik

Dekan PPPJJ Prof Madya Dr Mustafa Fadzil Farid Wajidi menyatakan kualiti pendidikan jarak jauh juga setanding dengan pendidikan sepenuh masa kerana PPPJJ merangka 70% kandungan sepenuh masa dalam kandungan kursus pendidikan jarak jauh. Kandungan selebihnya difokuskan kepada keperluan objektif khas pendidikan jarak jauh. Bagi memastikan PPPJJ menghasilkan siswazah yang berkualiti, PPPJJ menggunakan tenaga pensyarah sepenuh masa bagi mengekalkan kualiti pengajaran yang sama.

Selain itu, program pendidikan jarak jauh di USM juga mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPM) yang mengawal kualiti program di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS). Oleh itu, kualiti pendidikan jarak jauh di USM memang terjamin.

Menurut beliau juga, USM mempunyai pendirian untuk mengekalkan status APEX dengan memberikan kelulusan kepada siswa-siswi yang mencapai PNGK 2.00 dan ke atas. Siswa-siswi yang mendapat keputusan walaupun hampir dengan PNGK 2.00 seperti PNGK 1.99 tidak diluluskan sama sekali.

> “Program pendidikan jarak jauh di USM juga mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPM) yang mengawal kualiti program di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS). Oleh itu, kualiti pendidikan jarak jauh di USM memang terjamin”

Galeri Arkeologi USM kongsi sejarah manusia

Oleh **ASMAH ALI**



Model tapak ritual yang ditemui Sungai.Batu, Kedah, dipercayai dibina sekitar 110 tahun Masihi.

Perak Man adalah sumbangan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM) kepada dunia arkeologi. Perak Man yang berusia antara 10,000 hingga 11,000 tahun ini merupakan rangka manusia Paleolitik tertua dan hampir lengkap telah ditemui di Asia Tenggara yang di ekskavasi di Gua Gunung Runtuh, Lenggong, Perak. Ia hasil dari penyelidikan yang dibuat oleh PPAG USM yang diketuai oleh Profesor Emeritus Datin Paduka Siti Zuraina Abdul Majid, dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia.

Bagi mereka yang tidak berkesempatan untuk melihat Perak Man dengan lebih dekat, Galeri Arkeologi (USM) ada mempamerkan replika rangka Perak Man yang menjadi salah satu koleksi mereka.

Di samping itu, galeri turut berkongsi penemuan artifak-artifak dari Sungai Batu di mana wujudnya tamadun terawal di Asia Tenggara dan keunikan dengan penemuan monumen di Sungai Batu. Selain itu, penemuan tapak ritual pada tahun 2007 yang dibina pada 110 Masihi dan modelnya juga dipamerkan sebagai rujukan kepada pengunjung. Penemuan beberapa pecahan tembikar di sekitar struktur mengukuhkan interpretasi bahawa struktur ini merupakan tempat upacara keagamaan.

Oleh itu, PPAG USM terus mengorak langkah ke hadapan dengan kejayaan pembukaan Galeri Arkeologi ini. Perkongsian semua penyelidikan PPAG kepada pihak umum khususnya pelajar dan siswa-siswi merupakan tujuan utama yang mendorong lagi kepada pembukaan Gelari Arkeologi tersebut. Galeri ini telah beroperasi selama dua tahun sejak penubuhannya pada April 2012 yang dirasmikan oleh Naib Canselor USM, Prof. Dato' Omar Osman di Galeri Arkeologi, Bangunan B09,USM.

Perkongsian pelbagai penemuan sejarah ini dibahagikan kepada tujuh bahagian utama: Bahagian A mempamerkan hasil kajian PPAG USM, Bahagian B pula memaparkan prasejarah Malaysia secara menyeluruh dari segi pertaburan tapak dan urutan budaya. Penemuan dan hasil kajian tapak dan artifak untuk kebudayaan Zaman Paleolitik dipamerkan di Bahagian C, manakala Zaman Neolitik dan Logam dipamerkan di Bahagian D dan E. Bahagian F menjelaskan mengenai hasil kajian daripada tamadun awal di Sungai Batu, Lembah Bujang Kedah. Turut dipamerkan di sini ialah etnoarkeologi tentang Orang Asli di Malaysia. Bahagian G adalah ruangan interaksi arkeologi untuk aktiviti ekskavasi arkeologi.

Tarikan Galeri Arkeologi

Galeri Arkeologi USM ini menjadi salah satu tarikan kepada para pelancong luar kerana galeri pertama di Asia Tenggara yang dilancarkan oleh PPAG USM. Di samping itu, galeri ini ditempatkan di sebuah bangunan bekas peninggalan British yang berusia 76 tahun, pada tahun 1938. Seni bina bangunan lama dan monumen dari zaman pemerintahan British ini perlu dilihat dari sudut yang positif. Peninggalan kolonial ini amat penting kepada negara dan generasi baharu bukan sahaja dari segi warisan dan sejarah tetapi pembangunan negara. Seni bina bangunan yang kukuh ini akan menjadi tarikan kepada galeri ini.



Replika Perak Man yang dipamerkan di Galeri Arkeologi USM.



Ruangan Galeri Arkeologi yang mempamerkan hasil kajian etnoarkeologi tentang Orang Asli di Malaysia yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global.

Menurut Pegawai Sains Galeri Arkeologi, Encik Mohd. Sairul Ramle, USM telah banyak menyumbang kepada data yang berimpak tinggi iaitu alat batuan baru iaitu suevit yang merupakan bukti impak meteorit serta penghunian masyarakat prasejarah seawal 1.83 juta tahun. Bukti penemuan ini menunjukkan bahawa penempatan Zaman Paleolitik dihuni sejak 1.83 juta dahulu lagi.

Selain perkongsian mengenai Perak Man dan juga penemuan berimpak tinggi daripada PPAG iaitu artifak-artifak dari Sungai Batu. Artifak-artifak tembikar juga tidak ketinggalan dipamerkan di galeri tersebut yang ditemui di Gua Harimau, Bukit Tengkorak yang mewakili Zaman Neolitik.

Khazanah Ilmu

Pada suatu ketika dahulu dunia arkeologi di Malaysia agak tertutup capaiannya oleh masyarakat umum dan agak sukar untuk mereka mencari maklumat mengenainya. Sekiranya mereka ingin mengetahui mengenai arkeologi, mereka terpaksa membuat pembacaan di perpustakaan. Kini, mereka hanya perlu mengunjungi Galeri Arkeologi untuk mendapat gambaran awal mengenai penemuan-penemuan yang terdapat di Malaysia. Selain itu, galeri ini juga dipenuhi dengan ilmu yang padat kerana kesemua pameran adalah hasil penyelidikan daripada PPAG USM sendiri dan bukan sekadar replika semata-mata.

Galeri Arkeologi ini turut mempamerkan bukti mengenai penempatan manusia sejak 45,000 tahun dahulu di Gua Niah,

Sarawak yang terkenal dengan penemuan tengkorak Manusia Niah 40,000 tahun dahulu dan ratusan perkuburan Zaman Neolitik. Ia juga menonjolkan tapak prasejarah negara yang lama wujud di Bukit Bunuh di Lenggong, Perak yang menunjukkan penempatan Zaman Paleolitik berusia 1.83 juta tahun.

Aktiviti Galeri

Sekiranya terdapat lawatan daripada pihak sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) luar, Galeri Arkeologi akan bersedia menawarkan perkhidmatan lawatan berpandu. Perkhidmatan tersebut memudahkan pengunjung untuk memahami tentang penemuan-penemuan tersebut dengan lebih baik dan sekiranya mereka mempunyai sebarang kemusykilan boleh bertanya terus dengan pegawai yang bertugas. Namun, para pengunjung juga boleh melawat galeri ini dengan membaca sendiri maklumat penerangan yang telah disediakan di setiap dinding dan penemuan-penemuan mengenai sejarah.

Selain itu, Galeri Arkeologi hampir setiap tahun terlibat dengan Karnival Sains dan Teknologi anjuran Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan turut menyertai Karnival Bahasa Jiwa Bangsa yang akan diadakan di Sungai Petani. Kebiasaannya, aktiviti sebegini galeri akan memberi sumbangan dari segi pameran untuk memaparkan hasil penemuan artifak dalam negara kita sendiri. Dalam perancangan akan datang, Galeri Arkeologi akan mengadakan Minggu Arkeologi Malaysia yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun depan.

Aktiviti ekskavasi dan kaji selidik untuk mencari tapak-tapak prasejarah yang berpotensi ini melibatkan kakitangan Galeri Arkeologi dan PPAG. Ekskavasi dalam erti kata lain, cari gali yang berbentuk ilmiah untuk mendapatkan penemuan artifak secara lebih sistematik dan tidak sekadar menggali sesuatu kawasan dengan sesuka hati sahaja. Selain itu, mereka juga terlibat analisis makmal seperti Analisis Komposisi Kimia (SRF), Analisis Mineral (SRD) dan Mesin Scaning Electron Microscope (SEM).

Aktiviti ekskavasi memerlukan geran penyelidikan yang telah diluluskan oleh pihak atasan dan kemudian kakitangan akan diarahkan menjalankan ekskavasi. Antara tapak yang sedang dalam penyelidikan ialah Bukit Bunuh dan Sungai Batu yang masih lagi berlangsung di kawasan Semenanjung Malaysia, Gua Kain Hitam dan Bukit Sarang, di Sarawak dan Mansuli dan Bukit Tengkorak di kawasan Sabah Timur.

Galeri Arkeologi sangat menarik kepada mereka yang berminat dalam bidang Arkeologi itu sendiri. Bidang arkeologi ini mencerminkan rasa sayang kita kerana merangkumi sejarah negara sebelum ini. Galeri Arkeologi sangat menggalakkan dan mengalu-alukan kunjungan daripada masyarakat umum.

Hidangan Burger Bakar Cowboy memikat selera

Oleh **ROSAMIRA AHMAD RAZALI**

Ungu. Hijau. Coklat. Hitam. Kuning. Merah jambu. Itulah variasi warna yang ada pada rotinya. Dipermukaannya dihias kemas dengan taburan biji bijan. Isinya pula dimasak dengan cara dibakar. Teksturnya yang garing di luar dan lembut di dalam memudahkan si pemakan menikmati setiap hirisan daging di dalamnya. Isi ayam seakan ayam percik pula turut diselitkan bersama daging ini menimbulkan kelainan pada rasanya. Salad hijau dan bawang segar diletakkan bagi menaikkan lagi aromanya. Limpahan cheese dan sos lada menjadi penyeri dan juga penambah selera. Inilah menu yang digelar sebagai Cowboy, ada rasa daging dan ada rasa ayam di dalam satu hidangan yang cukup memikat selera.



Seorang pekerja sedang bersiap sedia untuk menerima pengunjungnya.


Asrulnaim, Pengusaha Burger Bakar Cowboy menyediakan sendiri hidangan kepada pengunjung.

Pengusaha Burger Bakar Cowboy yang juga merupakan tukang masak di sini, Mohd Asrulnaim Abidin, memberikan kepuasan kepada pengunjung dengan hidangan burgernya yang berwarna-warni. Setiap warna itu mewakili perisa seperti charcoal, lemon, strawberi, blueberi, pandan dan roti biasa iaitu coklat. Siapa sangka lelaki berbadan tegap ini rupanya seorang anggota bomba. Maka, tidak hairanlah kedudukan warungnya terletak betul-betul dihadapan balai bomba yang berwarna merah ini. Oleh kerana warungnya beroperasi ditepi jalan dengan ruang yang kecil, maka tidak banyak kerusi dan meja yang disediakan disini. Namun, ia tidak menjadi penghalang bagi pengunjung untuk kesini.

Sebut sahaja nama burger ini warga kota raya Pulau Pinang pastinya sudah tahu mengenai lokasinya yang terletak di Jalan Perak, Jelutong ini. Keadaan warung ini pada hari Rabu sekitar jam 8 malam sudah mula dipenuhi oleh pengunjung. Ada yang datang bersama rakan, ada yang datang bersama keluarga, dan ada juga pasangan yang bercinta. Rata-ratanya memesan burger bakar cowboy dengan roti yang berlainan perisa. Saya terkesima seketika apabila melihat meja mereka dipenuhi dengan hidangan berwarna-warni yang begitu cantik dimata saya.

Menurut Asrulnaim, beliau mendapat idea menjual burger berwarna-warni melalui mimpi. Berlainan pula dengan kebanyakan kita yang merasakan mimpi itu sekadar mainan tidur.

"Saya mendapat ilham untuk membuat burger melalui mimpi. Berdasarkan mimpi itu, saya terus membuka warung burger ini. Tidak sangka warung burger saya mula dikenali dan terkenal dalam kalangan masyarakat tempatan disini. Bagi saya, percaya pada diri sendiri adalah kunci kepada sesebuah kejayaan", jelasnya.

Perusahaan burger ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Kebanyakan pengunjung adalah siswa-siswi yang belajar di sekitar Pulau Pinang khususnya siswa-siswi dari Universiti Sains Malaysia (USM). Ada juga pengunjung yang sanggup datang dari jauh semata-mata ingin merasai kelazatan burger ini.

"Kami pernah menerima pengunjung luar dari Pulau Pinang iaitu dari Seremban dan Kuala Lumpur. Mereka mengenali Burger Bakar Cowboy hanya dari kenalan mereka yang menjadi pelanggan tetap disini. Ada juga yang datang disebabkan oleh gambar yang yang diambil dan disiarkan di laman sosial yang dikatakan cukup memikat selera", kata Asrulnaim.

Bercerita mengenai pendapatan warung burger ini, Asrulnaim menjelaskan bahawa pendapatan yang diterimanya dalam lingkungan Rm300 sehingga Rm500 sehari. "Wahhh! Sehari? Kalau sebulan? Setahun?", secara sepontan saya berbicara. Mendengar nilai itu dapat saya rasakan perniagaan beliau cukup memuaskan. "Alhamdulillah", katanya sambil mengukir sebuah senyuman. Tanda bersyukur dengan rezeki yang diterimanya.

Asrulnaim berharap agar perniagaannya semakin maju di masa hadapan serta dapat membuka lebih banyak cawangan lagi. Hal ini demikian kerana, di Pulau Pinang ini terdapat banyak persaingan dari segi penjualan burger. Di sekitar Jalan Perak ini sahaja terdapat 20 warung burger yang sudah bertapak lebih 10 tahun lama darinya. Beliau berharap selepas ini lebih ramai pengunjung yang akan datang ke warungnya bukan sahaja dalam kalangan siswa-siswi malah dari serata negeri.

Kebanyakan pengunjung memuji layanan dan perkhidmatan yang diberikan oleh warung ini. Hal ini demikian kerana, perkhidmatannya yang cepat dan layanan yang mesra membuatkan pengunjung berasa selesa dan santai untuk makan disini. Harganya yang berpatutan juga menjadikan burger ini mendapat tempat dihati pengunjung.

Untuk makluman, burger bakar cowboy ini dijual pada harga Rm4.80 bagi hidangan single dan Rm7.70 bagi hidangan double. Bagi saya, harganya amat memuaskan seiring dengan perkhidmatan dan rasa burgernya. Mendengar sahaja belum memadai untuk kita mengetahui tentang keunikan, kelebihan, dan kelainan sesuatu tempat itu selagi kita tidak mencuba dan merasainya sendiri.

"Kami pernah menerima pengunjung luar dari Pulau Pinang iaitu dari Seremban dan Kuala Lumpur. Mereka mengenali Burger Bakar Cowboy hanya dari kenalan mereka yang menjadi pelanggan tetap di sini."

Bakal guru kunjungi USM

Oleh **NG XIANG YI**

Seramai 27 orang bakal guru dari Institut Pendidikan Guru (IPG) Darulaman, Jitra, Kedah gembira berkunjung ke Universiti Sains Malaysia (USM) bersama dengan ahli jawatankuasa Persatuan Bahasa Tionghua (PBT) USM.

Kumpulan bakal guru ini adalah pelajar IPG Darulaman yang khusus dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Sepanjang interaksi bersama PBT, mereka sempat berkunjung ke beberapa tempat dalam persekitaran USM seperti Kompleks Cahaya Siswa, Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), Dewan Budaya, dan menghayati suasana dalam kampus di bawah bimbingan PBT.

Prasarana dan bangunan di USM bukan sahaja berjaya menarik perhatian mereka, tetapi juga menimbul rasa ingin tahu tentang kehidupan dalam kampus universiti.

Hoe Zhi Ying, 22, salah seorang pelajar IPG Darulaman berasa kajum dengan kawasan kampus yang begitu luas dan sempurna dengan pelbagai jenis prasarana



Bakal guru mengambil kesempatan bergambar di hadapan DTSP untuk kunjungan pertama mereka di USM.

yang lengkap. Menurut kata beliau, kawasan kampus USM adalah besar lebih dua kali ganda jika berbanding dengan keluasan kampus IPG Jitra.

"Saya juga berasa kehidupan dalam universiti adalah lebih bebas daripada kami kerana etika pakaian dan persaturan di IPG Darulaman adalah lebih tegas disebabkan identiti kami adalah guru. Persatuan kami lebih tertumpu kepada aktiviti pengajaran yang berkaitan dengan sukatan pelajaran berbanding dengan PBT yang mempunyai berbagai jenis aktiviti seperti perdebatan, lakonan dan nyanyian", katanya.

PBT juga menjalankan perkongsian pengalaman tentang pengurusan organisasi dan rancangan aktiviti dalam kampus dengan mereka. Sejarah USM dan PBT turut diperkenalkan kepada mereka supaya mempunyai pemahaman yang lebih mendalam terhadap USM dan PBT.

Menurut Timbalan Yang DiPertua PBT, Koh Tuan Teck, sesi perkongsian pengalaman ini bertujuan memperkenalkan Persatuan Bahasa Tionghua kepada pelajar IPG Jitra yang turut merupakan ahli Persatuan Bahasa Cina di IPG Jitra.

"Saya berpendapat lawatan pelajar dari IPG Darulaman ke USM kali ini ialah peluang yang amat penting bagi kami untuk saling bertukar idea tentang kemahiran mengadakan aktiviti yang pelbagai. Selain itu, struktur organisasi Persatuan Bahasa Tionghua juga diperkenalkan kepada mereka supaya mereka boleh terus berkembang ke arah persatuan/kelab yang lebih mantap", kata Koh.

Semasa majlis penutupan, Puan Choong Sook Khim, guru penasihat Persatuan Bahasa Cina IPG Darulaman berpesan kepada bakal guru agar membawa balik pengalaman yang dikongsi oleh ahli PBT dan mempelajari cara menguruskan sesebuah persatuan. Pengurusan masa juga perlu diutamakan kerana ia adalah penting dalam mencapai keseimbangan di antara pelajaran dan aktiviti persatuan.

Syarahan Pelantikan Prof Dr Munirah Ghazali dan Prof Dr Lim Chap Sam

Profesor Dr. Munirah Ghazali dan Profesor Dr. Lim Chap Sam telah dilantik sebagai Profesor dan menyampaikan syarahan dalam bidang kepakaran masing-masing sempena Majlis Syarahan Umum Pelantikan Profesor di Dewan Budaya Unversiti Sains Malaysia (USM) pada 14 Oktober 2014, 8:30 pagi.

Profesor Dr. Lim dilahirkan di Sungai Petani, Kedah pada 3 Julai 1958. Beliau adalah anak bongsu daripada tiga belas orang adik-beradik. Bapa beliau ialah seorang peniaga taufu dan ibu beliau seorang suri rumah.

Dalam syarahan yang bertajuk 'Imej Matematik, Kualiti Guru dan Lesson Study', Prof. Lim berkata, penyelidikan beliau menunjukkan bahawa secara amnya, terdapat lima jenis imej atau pandangan umum matematik akan menpengaruhi minat pelajar terhadap matematik.

"Tambahan pula, guru yang berkualiti tinggi dapat mempengaruhi pelajar menanam imej yang baik terhadap matematik", ujar Prof. Lim.

"Lesson Study ialah suatu model perkembangan professional yang bermula di Jepun, dan didapati merupakan satu faktor kejayaan guru Jepun melahirkan pelajar matematik yang cemerlang dalam kajian antarabangsa seperti TIMSS dan PISA", kata Prof. Lim.

Profesor Dr. Munirah pula menyampaikan syarahan yang bertajuk 'Kepekaan Nombor, Numerasi dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pendidikan Matematik Sekolah Rendah'.

Profesor Dr. Munirah dilahirkan pada 25 Mei 1961 di Batu Lintang, Tikam Batu, Kedah. Beliau merupakan anak kedua daripada lima orang adik beradik. Bapa beliau ialah seorang ustaz dan ibu beliau seorang suri rumah.

"Pengalaman murid-murid semasa mempelajari matematik pada tahap awal ini adalah penting dalam membentuk kepercayaan dan nilai mengenai matematik. Pengalaman yang memberikan makna akan membantu murid-murid membentuk kepercayaan dan nilai yang positif mengenai matematik." kata Prof. Munirah.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Profesor Dr. See Ching May dan pegawai-pegawai utama unversiti yang lain turut hadir dalam majilis syarahan umum tersebut.

Kanser payu dara tidak kenal usia dan jantina



MEMBANGGAKAN…Golongan siswa USM juga turut menghadiri program ini.

Wacana ilmu: Breast Cancer Awareness Programme anjuran Sekreteriat Sukarelawan India dengan kerjasama Pusat Sejahtera dan MySihat pada 8 Oktober lalu yang bertempat di Dewan Pembangunan Siswa 1 (DPS 1), Kompleks Cahaya Siswa USM mendapat sambutan hangat bukan sahaja daripada siswi malah siswa juga.

Pengarah Projek Breast Cancer Awareness Programme, Malathi Sivagami Sivakumaram, berkata program ini bermatlamat memberi pendedahan dan maklumat kepada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) mengenai masalah kanser payu dara yang dialami segelintir masyarakat Malaysia pada hari ini.

"Kami berharap agar program ini dapat memberikan maklumat yang secukupnya kepada siswa-siswi seterusnya dapat menyebarkannya kepada rakan-rakan, keluarga dan masyarakat", katanya kepada Berita Kampus.

Pengarah Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) USM, Dr Normala Abdul Wahid ialah penceramah bagi program ini.

Menurut beliau, sudah tiba masanya siswa-siswi didedahkan dengan kanser ini kerana tidak ramai siswa-siswi yang mempunyai kesedaran yang mendalam tentang kanser ini. Malah, sepanjang program berlangsung, ada sesetengah mereka yang mula berminat untuk mengetahui hal ini memandangkan penyakit ini ialah penyebab utama kematian golongan wanita di Malaysia.

"Golongan lelaki juga perlu ambil tahu kanser ini kerana ada juga di antara mereka yang mengalami masalah ini. Malah, mereka mempunyai tanggungjawab untuk memberikan bantuan dan sokongan kepada golongan wanita terutamanya isteri, ibu serta ahli keluarga mereka yang lain", kata beliau.

"Di Pusat Sejahtera, kami mengalu-alukan sekiranya ada di antara siswa-siswi yang ingin melakukan pemeriksaan kerana staf kami telah diberikan latihan yang secukupnya bagi membantu pesakit", tambah Normala lagi.

Salah seorang peserta program, Fatini Nurizzati Mat Kamal, Ilmu Pendidikan, 1, berpendapat program ini sememangnya memberikan manfaat kepada beliau dan rakan-rakan kerana mendapat maklumat mengenai risiko, cara pemeriksaan serta kaedah rawatan.

SOC tampil bakat siswa-siswi USM

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**



TERHIBUR.... Kanak-kanak dari Koperasi Tadika Minden bekerjasama dengan SOC dengan membuat persembahan dalam Konsert Oekrestra Cina. GAMBAR oleh Michele Ng Heng Kim.

Sekretariat Orkestra Cina (SOC) telah mengadakan Konsert Orkestra Cina bertemakan An Exquisite Musical Journey pada 11 Oktober di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), USM.

Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Setiausaha Malaysian Chinese Association (MCA) Bahagian Bagan, Tan Chuan Hong, Penasihat Sekretariat Orkestra Cina, En. Zulkifli Che Husin, dan staf serta pegawai sokongan Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP).

Menurut Pengarah Projek, Tan Sue Ling, ini ialah kali ketujuh konsert ini diadakan dan merupakan kali pertama dilakukan pada semester satu kerana selalunya akan diadakan pada semester dua.

"Persembahan ini dijayakan secara keseluruhannya oleh siswa-sisiwi USM. Seramai 100 orang siswa-siswi telah terpilih untuk melakukan persembahan dengan mengunakan 13 alat muzik tradisional cina seperti Erhu, Zhongruan, Double Bass dan banyak lagi", katanya.

17 lagu telah digubah nota muzik sepenuhnya oleh ahli SOC dan dimainkan sepanjang berlangsungnya konsert ini. Koleksi lagu yang disampaikan adalah lagu dari tahun 70'an hingga 90'an yang mengabungkan keindahan muzik tradisional dan muzik moden dengan menggunakan alatan muzik tradisional cina.

Konsert ini diadakan untuk mempromosikan orkestra cina, pentas kepada siswa-siswi untuk membuat persembahan, memperkenalkan budaya cina kepada kaum-kaum lain, meningkatkan kemahiran dalam bermain alat muzik tradisional Cina dan mengekalkan warisan nenek moyang.

Menurut Manoj Kumar Lakshmanan, Kajihayat PhD, konsert ini dapat menarik minat kaum lain untuk memahami budaya masyarakat Cina, mengeratkan perhubungan antara kaum dan memupuk semangat intergiti dalam kalangan siswa-siswi.

Selain itu, terdapat juga persembahan yang dilakukan oleh pelajar tadika dari Koperasi Tadika Minden yang mendendangkan lagu Burung Kakak Tua dan Dayung Sampan. Penaja emas bagi konsert An Exquisite Musical Journey adalah MCA dan penaja bersama oleh Bar.B.Q Plaza dan Raiya.

Convex'14 peneraju nadi masyarakat

Berlandaskan tema Ekspo Konvokesyen 2014 iaitu 'Mahasiswa Nadi Masyarakat', Sekretariat Convex'14 bahagian Jabatan Aktiviti dan Keceriaan dengan kerjasama iM4U telah melaksanakan Program Kasih Ceria bersama Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang pada 11 Oktober lalu.

Program ini bertujuan memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan siswa-siswi, dan membantu golongan yang kurang bernasib baik. Program ini disertai oleh 38 ahli Sekretariat Convex'14 dan 52 orang penghuni wisma tersebut.

Menurut Pengarah Projek, Ahmad Fauzi Ramli, program ini ialah satu kerjasama dengan Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang yang mana penghuni rumah anak yatim ini akan dijadikan anak angkat Convex'14 pada tahun ini.

"Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah kami membersih dan menceriakan kawasan asrama supaya penghuni wisma ini berasa lebih selesa dan memberi mereka peluang merasai suasana yang baharu. Kami turut menanam pokok sebagai simbolik terjalinnya hubungan dua hala antara Sekretariat Convex'14 dan Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang", katanya.

Selain itu, majlis rewang turut diadakan iaitu ahli Sekretariat Convex'14 berganding bahu menyediakan juadah makanan tengahari untuk semua penghuni wisma dan ahli sekretariat yang terlibat.

"Kami juga menyelitkan unsur-unsur motivasi dalam aktiviti yang dilaksanakan supaya penghuni wisma lebih berani, lebih berketerampilan, dan mempunyai keyakinan yang tinggi dalam melakukan sesuatu perkara. Kami juga menanamkan perasaan dan semangat dalam kalangan penghuni wisma untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi dan merasai kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan", katanya lagi.

Program ini mendapat penajaan utama daripada iM4U dan penajaan bersama daripada organisasi-organisasi yang lain. Pihak Convex'14 berharap tema ini dapat diterapkan dalam kalangan siswa-siswi pada masa kini. Ekspo Konvokesyen 2014 akan diadakan pada 4 hingga 9 November di Tapak Konvokesyen USM. Pelbagai aktiviti akan diadakan seperti aktiviti penjualan, water ball dan persembahan artis tempatan oleh Dato Siti Nurhaliza, 6ixth Sense serta ramai lagi.

Larian untuk kedamaian

Kelab Perdamaian Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan program Larian Perdamaian 1.0 pada 11 Oktober yang lau di Kampus Induk USM.

Larian ini bermula dari Padang Kawad, kemudian melalui Fajar Harapan - Jalan Universiti- Jalan Persiaran- Jalan Desasiswa- melalui Lengkok Sastera dan diakhiri dengan Padang Kawad.

Menurut Pengarah Projek, Ratna Zuzilianty Zulkifli, tujuan program ini untuk memupuk kesedaran dalam kalangan siswa-siswi mengenai sokongan terhadap kedamaian dan keamanan serta memperingati hari keamanan dunia disamping melahirkan siswa-siswi yang aktif dan cergas.

Kelab Perdamaian ialah kelab di bawah naungan Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian (UPPP). Misi kelab ini untuk menyebarkan ilmu mengenai perdamaian dan konflik kepada golongan masyarakat khususnya siswa-siswi.

Asiah Khairuddin, Ilmu Pendidikan 1, berkata, "program ini menggalakkan siswa-siswi untuk menitikberatkan kesihatan disamping menyokong perdamaian antara siswa dan siswi dengan sikap toleransi dan sokongan yang jitu antara satu sama lain".

Tambah Ratna lagi, dia berharap setiap siswa dan siswi dapat menyedari bahawa keamanan dan perdamaian amat penting dalam kehidupan serta setiap pelajar menyokong terhadap keamanan dan kedamaian.

Kelab Penyayang USM selami kehidupan OKU

Golongan orang kurang upaya (OKU) telah mendapat perhatian daripada masyarakat melalui majlis makan malam bertemakan Dining in the Dark.

Majlis ini telah dianjurkan oleh Kelab Penyayang USM, Yayasan Budi Penyayang dan Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM) dan telah diadakan di Hotel Sunway, George Town, Pulau Pinang pada 18 Oktober 2014.

Seramai 120 orang tetamu yang hadir termasuk tetamu jemputan daripada wakil Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia, Encik Lim Yew Yi, Penasihat Kelab Penyayang USM, Prof. Madya Dr Azlinda, pensyarah-pensyarah USM, warga rumah anak-anak yatim dan siswa-siswi USM.

Program pertama kali yang dianjurkan ini bertujuan meningkatkan kemahiran para peserta dalam menggunakan kelima-lima deria dan memberikan pengalaman kepada masyarakat untuk mendalami kehidupan seharian golongan OKU penglihatan.

"Pendedahan yang diberikan sepanjang program berlangsung akan meningkatkan keupayaan pelajar untuk merancang dan terlibat secara langsung dalam kegiatan bersama komuniti setempat dan kumpulan yang telah disasarkan", kata Pengarah Projek Dining in the Dark, Syaza Anuar.

Menurutnya lagi, setiap insan perlulah memupuk kesedaran dalam diri dan bersyukur kerana kelebihan yang tersedia ada dalam diri.

"Program ini juga diadakan untuk mengumpul dana membuka pusat peralatan OKU penglihatan yang merupakan sebahagian daripada kertas cadangan Pertandingan Sukarelawan Menteri Pendidikan 2014. Kami berharap projek ini akan menjadi kayu ukur kepada masyarakat untuk membantu lebih ramai OKU di Malaysia", kata wakil Yayasan Budi Penyayang Malaysia, Cik Norhayati Ghazali dalam ucapan perasmiannya.

"Kita biasa hidup dalam keadaan normal, walau bagaimanapun pengalaman memakai penutup mata sambil makan memerlukan masa untuk kita berdikari dan mendalami perasaan OKU", kata Nasriah Jamaludin, Sains Kemasyarakatan 2 kepada Berita Kampus.

Sayembara puisi cermin semangat kenegaraan



KENANGAN..peserta Program Sayembara Deklamasi Puisi Pelbagai Kaum bergambar pada akhir program

Oleh **NURSYAHIDAH ABU BAKRI**

Program Sayembara Deklamasi Puisi Pelbagai Kaum yang dianjurkan oleh Kelab Sastera Universiti Sains Malaysia (USM) dengan usahasama Persatuan Karyawan Pulau Pinang, telah berjaya mencerminkan semangat kenegaraan melalui deklamasi sajak yang oleh 17 orang peserta.

Program yang berlangsung di Dewan Pembangunan Siswa 1, Kompleks Cahaya Siswa pada 9 Oktober dihadiri oleh pensyarah kesusasteraan Profesor Madya Dr Rahimah A. Hamid dari dan Tn Haji Ahmad Hashim dari Dewan Budaya USM sebagai juri jemputan.

Menurut pengarah projek Aina Nabila Ahmad, program ini dijalankan bersempena dengan Persidangan Kebangsaan Karya Penulis Pelbagai Kaum di Malaysia yang pertama kali diadakan dan program Sayembara ini ialah slot pengukuhan untuk persidangan tersebut. Terdapat beberapa cabaran dalam menjayakan program ini salah satunya dari segi masa, kerana kami terpaksa menyekat peserta yang ingin memasuki pertandingan.

"Kami mempunyai beberapa cabaran untuk menjayakan program ini dari segi masa. Contohnya, kami terpaksa menyekat pendaftaran kerana kami membuka masa pendaftaran dalam masa yang singkat sahaja", katanya

Tambah beliau, program ini juga turut ditaja oleh Karyawan Pulau Pinang dan beliau berharap program sebegini dapat dijalankan lagi agar dapat menarik minat siswa-siswi dalam bidang sastera.

Program Pena Kelab Geografi terokai alam sekitar

Program Pena Malam Bersama Ahli Kelab Geografi Universiti Sains Malaysia (USM) kukuh dengan tema 'from us to earth' telah diadakan pada 10 Oktober lalu di Dewan Kuliah M. Siswa-siswi didedahkan kepada projek-projek lepas oleh barisan kepimpinan kelab ini bagi melahirkan sifat cinta akan bumi sekaligus melantik ahli jawatankuasa kelab yang baharu.

Yang DiPertua Kelab Geografi, Nurulain Athirah Safberi berkata, ″penubuhan kelab yang lebih enam tahun ini mencakupi 17 majlis tertinggi exco. Bagi mengukuhkan lagi organisasi kelab ini, dua orang lagi exco diperlukan daripada 81 orang yang hadir pada program tersebut″.

Pengarah projek program Pena, Rohayu Che Lope, 3 berkata, ″penggunaan 'Pena' dicetuskan oleh mantan Yang DiPertua, Muhammad Yusof Mat Sidek sejak sidang lepas yang mana menarik minda siswa-siswi kepada kelab ini″.

″Perjalanan kelab ini terus menunjukkan kesungguhan yang tinggi di mana pelbagai program dan aktiviti yang telah dilakukan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, kanak-kanak, siswa-siswi USM mahupun siswa-siswi daripada universiti lain″, katanya lagi.

Majlis Tertinggi Exco Reka Cipta dan Inovasi, Muhammad Noor Aidil Lokman, 2 menjelaskan kebiasaannya aktiviti yang sering dijalankan adalah santai dan banyak melibatkan alam sekitar seperti lawatan ke hutan paya bakau, menanam bakau, dan sebagainya.

″Minat yang mendalam kepada flora dan fauna membawa saya untuk melibatkan diri ke dalam Kelab Geografi yang mana bersesuaian dengan namanya″, ujarnya.

Ku Mohd Ashraff Indera Putera, Ilmu Kemanusiaan, 2 menjelaskan tiga aktiviti berkonsepkan individu yang menunjukkan ciri-ciri kepimpinan ahli kelab ini telah diadakan sehari selepas program Pena. Program Interaksi ini bertempat di Padang Kawad.

Lei Wai Nee, Perancangan, Perumahan dan Pembangunan, 1 berkata, ″walaupun saya masih baharu menyandang jawatan exco dan memasuki kelab ini, saya yakin bahawa saya akan terus belajar mengenainya dengan lebih baik pada masa akan datang″.

Berita Kampus seterusnya akan diterbitkan pada Isnin, 10 November 2014.

Kedai KM-Kembara ditutup

Cawangan Koperasi USM Berhad (KUSMB), KM-Kembara di Desasiswa Indah Kembara terpaksa ditutup kerana hasil jualan tidak dapat menampung kos operasi premis tersebut.

Menurut Penolong Pengurus KUSMB, Ilyas Chew Abdullah, hasil jualan KM-Kembara tidak seperti yang diharapkan kerana jumlah penghuni di lokasi tersebut tidak padat.

"Sambutan terhadap KM-Kembara adalah baik pada waktu sarapan pagi dan makan tengahari apabila semester berlangsung dan keadaannya sunyi ketika cuti semester. Walaupun langkah untuk menambahkan kepelbagaian barangan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan diambil namun keberkesanan langkah ini adalah terhad kerana ruang premis yang kecil", jelasnya lagi.

"Penutupan KM-Kembara membantu mengurangkan kos operasi KUSMB dalam jangka masa panjang serta tidak akan memberi kesan mendalam kepada warga kampus kerana masih terdapat kedai serbaneka yang lain di sekitar USM", ujarnya.

Menurut Nur Fatin Amir, Sains Fizik 2, KM-Kembara yang telah ditutup menyukarkan penghuni Desasiswa Indah Kembara untuk mendapatkan barangan keperluan seperti makanan, kad tambah nilai dan sebagainya pada waktu malam kerana ada penghuni yang kesuntukan masa untuk membeli barangan di kedai serbaneka sekitar kampus.

"KUSMB akan pertimbangkan pembukaan cawangan baru sekiranya mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dan saya berharap agar warga kampus akan terus menyokong perniagaan kedai-kedai KUSMB yang masih beroperasi di USM", kata Ilyas.

The KAPIT'S beri peluang siswa-siswi tambah pendapatan

Perniagaan ais krim goreng The Kapit's ialah satu usaha oleh seorang siswa Universiti Sains Malaysia (USM) untuk membantu siswa-siswi menambahkan pendapatan selain memberikan mereka peluang untuk menambah pengalaman berniaga.

Menurut pemiliknya, Mohamad Shafiq Kamaruddin, jenama The Kapit's digunakan kerana melambangkan produk utama mereka, iaitu aiskrim goreng. Kaedah yang digunakan untuk memproses aiskrim goreng ialah dengan menggunakan mesin kapit. Tambahnya lagi, produk ini juga ialah hasil buatan siswa-siswi USM tanpa sebarang campuran bahan pengawet yang berbahaya.

Dia menambah lagi bahawa The Kapit's ialah satu permulaan bagi dirinya sebagai siswa universiti untuk mencari pendapatan tambahan tanpa mengharapkan pinjaman untuk pengajian semata-mata. Shafiq juga berkata bahawa dia dapat menambah pengetahuan tentang pengurusan perniagaan melalui penjualan produk makanannya.

"Kami juga turut menerima tempahan secara pukal bagi mana-mana pihak yang mahu menjual semula produk kami samada di dalam ataupun di luar USM. Kami membekalkan aiskrim goreng dalam bentuk sejuk beku yang boleh digoreng secara mudah dan pantas. Hal ini membolehkan pelanggan dari luar USM menikmati produk kami", katanya.

Pelanggan The Kapit's, Syahirah Mohd Sani, berkata bahawa kualiti produk dan servis yang diberikan oleh pekerja mereka sangat memuaskan. Tambahnya lagi, dengan adanya kiosk makanan seperti ini telah memberikan siswa-siswi pelbagai pilihan makanan selain daripada makanan yang dijual di kafe desasiswa.

Menurut Shafiq, para pelanggan boleh mengunjungi akaun Instagram dan Facebook The Kapit's bagi mengetahui perkembangan terkini mereka dan menjadi saluran bagi sebarang aduan tentang servis dan kualiti produk mereka bagi tujuan penambahbaikkan.

Kiosk The Kapit's kini beroperasi dari jam 6 petang sehingga 12 tengah malam, pada setiap hari, bersebelahan kafe Desasiswa Tekun. Antara produk mereka ialah roti impit serta aiskrim di dalam kon dan cawan. Mereka juga menyediakan perkhidmatan penghantaran ke sekitar USM dengan minimum tempahan sebanyak RM10 dan lebih.

"Kami juga turut menerima tempahan secara pukal bagi mana-mana pihak yang mahu menjual semula produk kami samada di dalam ataupun di luar USM. Kami membekalkan aiskrim goreng dalam bentuk sejuk beku yang boleh digoreng secara mudah dan pantas. Hal ini membolehkan pelanggan dari luar USM menikmati produk kami."

Pemilihan berperingkat menapis calon berkualiti

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDIRSHA**

Pemilihan barisan exco Majlis Penghuni Desasiswa Fajar Harapan (MPDFH) sidang 2014/2015 menitikberatkan kualiti apabila semua calon yang memohon dikehendaki melalui proses pemilihan sebanyak empat fasa.

Penggawa Desasiswa Fajar Harapan, Dr Nik Haslinda Nik Hussain berkata empat fasa yang perlu dilalui adalah bertujuan memastikan ketahanan mental dan fizikal semua calon. Pemilihan pemimpin seharusnya tidak dipandang ringan kerana ia melibatkan nama desasiswa kelak.

"Sejak pemilihan exco menggunakan kaedah fasa, pelbagai kejayaan projek dalam dan luar negara kita perolehi sehingga mendapat anugerah Majlis Penghuni Desasiswa Terbaik sidang 2013/2014. Kualiti menjadi keutamaan kita dalam memastikan segala gerak kerja berjalan dengan lancar", jelasnya.

Menurut Yang Dipertua Majlis Penghuni Desasiswa Fajar Harapan, Hidayah Suri, keunikan pemilihan barisan exco sidang ini adalah calon-calon perlu melalui empat fasa yang sememangnya menguji mental dan fizikal. Kesemua halangan yang perlu ditempuhi mengasah ketahanan mereka untuk menghadapi cabaran yang perlu ditempuhi kelak.

"Seramai 80 calon menghadiri temuduga namun setelah diberi cabaran yang perlu dilalui ramai yang menarik diri. 54 orang calon yang berjaya bertahan sehingga ke majlis perlantikan rasmi. Hal ini bermakna mereka adalah calon yang benar-benar mempunyai ketahanan yang tinggi", katanya lagi.

"Fasa pertama adalah proses temuduga diikuti dengan fasa kedua iaitu penekanan kepada aspek keusahawanan, fasa ketiga merupakan pengurusan program dan yang keempat adalah ketahanan diri. Kesemua fasa ini menyediakan cabaran yang berbeza untuk melihat kualiti sebenar setiap calon", jelas Hidayah lagi.

Nur Natasha Dilla Aziz, Sains Komputer 2 berkata, cabaran yang ditempuhi sepanjang pemilihan exco MPDFH adalah pengalaman yang amat berharga dan tidak dapat dicari di mana-mana.

"MPDFH sidang ini unik kerana berjaya menyatukan semua exco sebagai sebuah keluarga besar. Keempat-empat fasa berjaya dilalui kerana adanya dokongan dan semangat bantu-membantu antara kami semua", ulasnya lagi.

Dr Nik Haslinda melahirkan impian untuk menjadikan Desasiswa Fajar Harapan sebagai sebuah desasiswa keusahawanan. Gabungan kerjasama yang mantap daripada pihak pengurusan, Majlis Penasihat, Kelab Debat & Pantun Harapan dan MPDFH pastinya akan membuahkan hasil yang memberangsangkan.

Fasa keempat pemilihan barisan exco MPDFH berakhir pada 11 Oktober lalu dan majlis watikah perlantikan MPDFH sidang 2014/2015 berlangsung pada 14 Oktober 2014.

Hari interaksi PIK rapatkan siswa-siswi

Hari Interaksi Persatuan Ilmu Kemanusiaan telah diadakan pada 12 Oktober lalu bertempat di Tasik Harapan.

Naib Yang Dipertua, Mohammad Hairol Md Desa berkata program ini bertujuan memupuk semangat dalam kalangan siswa-siswi agar hubungan baik dapat dikekalkan. Siswa-siswi juga mendapat pendedahan mengenai Persatuan Ilmu Kemanusiaan.

Selain merapatkan jurang perhubungan, ia untuk memperkenalkan beberapa tempat penting di dalam Universiti Sains Malaysia (USM) melalui aktiviti Explorace. Setelah selesai Explorace, perancangan untuk sidang ini diumumkan. Selain itu, Majlis Tertinggi dan Majlis Exco Persatuan Ilmu Kemanusiaan diperkenalkan kepada siswa-siswi baharu.

Beliau berkata, perancangan untuk mengadakan program ini lebih awal iaitu pada hujung September dibatalkan kerana mempunyai masalah penetapan tarikh. Ketika ini, semua persatuan tidak dibenarkan mengadakan hari interaksi.

Beliau berharap supaya siswa-siswi melibatkan diri dengan aktif dalam setiap anjuran persatuan serta kepimpinan baru persatuan dapat bekerjasama dan bersatu hati untuk menggerakkan persatuan ini. Sifat menghormati perlu ada dalam diri setiap siswa-siswi serta mengelakkan wujudnya jurang antara siswa-siswi.

"Segala masalah yang dihadapi oleh siswa-siswi baharu boleh dikongsi dengan kami dan kami akan cuba menyelesaikannya. Sebarang cadangan dan pendapat boleh dikemukakan supaya kita bersama-sama menjadikan Persatuan Ilmu Kemanusiaan lebih baik dan bermanfaat", tambahnya.

Program interaksi bina semangat siswa-siswi

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Universiti Sains Malaysia (PSSCMUSM) telah mengadakan Hari Interaksi PSSCMUSM pada 12 Oktober yang lalu. Program berlangsung di Pantai Teluk Bayu, Pulau Pinang dan dirasmikan oleh Penasihat ke-2 PSSCMUSM, Zulkifli Hashim.

Menurut Pengarah Projek, Ahmad Amirulhaq Mohamed Amran, seluruh warga PSSCMUSM serta tenaga pengajar memberikan komitmen yang sepenuhnya sepanjang berlangsung program tersebut.

"Hari Interaksi ini bertujuan untuk menggalakkan siswa-siswi untuk terlibat dalam aktiviti persatuan selain daripada menghadiri kelas akademik dan kelas latihan silat", katanya.

"Program ini memberi peluang kepada siswa-siswi yang terlibat untuk berinteraksi, bertukar-tukar pendapat di samping dapat berkenalan antara satu sama lain. Selain itu, dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan peserta dalam usaha menggerakkan program pada masa akan datang", tambah Amirulhaq lagi.

Jelasnya lagi, pelbagai aktiviti telah dijalankan bersesuaian dengan matlamat yang ingin dicapai antaranya aktiviti Explorace di sekitar Pantai Teluk Bayu yang bertujuan menguji kerjasama antara peserta dan permainan fizikal untuk menguji ketahanan nafas.

Tarikan baharu di Desasiswa Tekun

Kemudahan di Desasiswa Tekun meningkat apabila sebuah syarikat minuman terkemuka iaitu Permanis Sdn Bhd mengambil peluang untuk meletakkan dua buah mesin minuman ringan di blok siwa-siswi baru-baru ini.

Menurut Penggawa Desasiswa Tekun, Dr. Nazarudin Zainun, beliau berharap agar semua siswi yang menginap di Tekun dapat menjaga kemudahan yang disediakan dengan baik dan cermat.

"Pihak kami tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan atau sebarang kemungkinan yang berlaku. Mesin minuman ringan merupakan hak milik syarikat Permanis Sdn Bhd. Maka, tiada sebarang kos yang dikeluarkan oleh USM atau pihak pengurusan Tekun", jelasnya.

Nuraina Mohd Nasir, Sains Kemasyarakatan 3, berkata beliau nampak mesin minuman ringan itu secara kebetulan ketika pulang dari kuliah dan terus cuba kerana harganya yang murah.

"Saya berasa amat gembira dan teruja dengan kemudahan baru yang disediakan kerana bagi saya ini adalah satu permulaan yang baik kepada seluruh penghuni Tekun kerana harga yang ditawarkan lebih berpatutan kepada kami", tambah Nuraina.

Bagi Nor Shahirah Mohd Nor, Seni 3, beliau juga turut berasa gembira dan teruja dengan adanya kemudahan ini kerana harga yang ditawarkan jauh lebih murah berbanding mesin air yang lain dan di kafeteria.

"Mesin air ini sudah ada di Tekun tetapi syarikat sebelum ini menarik diri dan digantikan dengan syarikat baru, Permanis Sdn Bhd. Di desa lain juga mempunyai kemudahan sebegini namun, mungkin syarikat yang mengendalikannya adalah berbeza dan harga yang ditawarkan juga berbeza", ulas Dr. Nazaruddin.

Shahirah dan Nuraina berkata, mereka berharap agar siswa-siswi dapat sama-sama menjaga kemudahan yang disediakan kerana ini adalah tanggungjawab dan kebaikan bersama. Mereka juga berharap agar kemudahan lain akan menyusul di Tekun untuk memudahkan aktiviti harian mereka.

"Siswa-siswi boleh memilih dan mereka berhak memilih yang mana menawarkan harga yang lebih murah dan keuntungan tetap kepada siswa-siswi", ulas Dr. Nazarudin ketika diminta memberi penjelasan mengenai pendapatan peniaga di kafeteria yang mungkin terjejas.

Dr. Nazarudin berkata beliau mengalu-alukan cadangan lain untuk menambah baik kemudahan yang sedia ada mahupun kemudahan baru bagi menjaga kebajikan penghuni.

Sesuaikan diri di alam kampus

Siswa-siswi baharu sering menghadapi cabaran personal dan interpersonal yang meliputi keperluan untuk membina perhubungan yang baru di kampus, membentuk tabiat belajar baru selaras dengan persekitaran akademik yang baru.


Menurut Raja Salwati Raja Othman, Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Penempatan Graduan (GPC), Universiti Sains Malaysia (USM), cabaran-cabaran yang menjadi punca tekanan kepada siswa-siswi baharu adalah kegagalan merancang untuk masa hadapan, bergelut dengan peperiksaan dan tugasan, menangani tuntutan dan cabaran daripada pensyarah, memilih bidang pengkhususan dan belajar berdikari dari sudut kewangan dan emosi. Oleh itu, boleh dianggap bahawa hampir semua siswa-siswi baharu akan melalui fasa penyesuaian diri ketika melangkah kaki ke universiti.

"Penyesuaian dalam kalangan siswa-siswi baharu merupakan satu aspek yang amat penting dalam meramal kejayaan mereka di universiti. Dalam membantu penyelesaian kepada cabaran ini langkah yang proaktif dan komprehensif harus dilakukan bagi memastikan pelajar baharu mempunyai tahap penyesuaian yang tinggi. Siswa-siswi harus tabah hati dan berusaha sedaya upaya memahami dan menyesuaikan diri dengan suasana baru di kampus ini. Andainya sesuatu yang baru itu boleh mendatangkan faedah yang baik maka mereka hendaklah bersedia menerima perubahan baru dan mengubah kebiasaan yang sedia ada", tambah Raja Salwati.

"Masalah di kampus bukan hanya terhad kepada masalah akademik sahaja tetapi juga meliputi masalah perhubungan sosial dengan siswa-siswi lain. Pertemuan antara siswa-siswi baharu dengan siswa-siswi senior kadangkala menimbulkan perasaaan kebimbangan atau rasa terancam. Sebenarnya, tidak ada jalan mudah bagi menyelesaikan masalah penyesuaian diri dengan kehidupan di kampus ini. Bagi menangani masalah menyesuaikan diri dengan rakan-rakan baru, siswa-siswi harus banyak bersabar, bersedia bertolak ansur dan cuba memahami diri rakan mereka itu", kata Ahmad Anwar Omar, Pegawai Psikologi GPC, USM.

Anwar memohon siswa-siswi agar tidak berasa ragu-ragu untuk menemui individu yang boleh membantu siswa-siswi dalam memberi sebarang nasihat mengenai masalah yang mereka hadapi. Misalnya siswa-siswi boleh menemui kaunselor, pensyarah atau pegawai universiti untuk mendapatkan maklumat dan panduan.

Heroin berakhir di luar jangkaan



JUDUL Heroin
GENRE Cinta Fiksyen Falsafah
PENULIS Amal Hamsan
PENERBIT Lejen Press
DIULAS OLEH Rosamira Ahmad Razali

Buku terbitan Lejen Press pada tahun 2011 sekali lagi menemui pembaca dengan cetakan ketiganya. Heroin mempunyai 9 koleksi cerpen di dalamnya dan sebuah cerita bonus yang menceritakan pelbagai watak-watak wanita dalam kehidupan realiti. Antara tajuk cerpen di dalamnya ialah Filem Fiksi, Gadis Sigaret, Simetri, Khilaf, Hanyut, Indikasi, Saatnya, Penulis, Once dan Julia. Buku ini juga mempunyai 256 halaman dan kulit muka hadapannya sangat unik mirip seperti kulit album Evanescence.

Amal Hamsan seorang penulis wanita yang tidak asing lagi dalam kalangan peminat buku terbitan Lejen Press. Penulisan yang jelas, ringkas, kemas dan penggunaan bahasa slanganya berjaya memikat hati pembaca khususnya golongan remaja. Penulisannya yang jujur ini memudahkan pembaca membayangi watak-watak di dalam buku tersebut dengan diri pembaca sendiri. Pertama kali membaca pastinya membuatkan kita terfikir bahawa setiap perkara yang diceritakan mempunyai serba sedikit persamaan dengan diri kita.

Jika diteliti cara penyusunan koleksi cerpen-cerpen di dalamnya kurang dititikberatkan. Jika dibandingkan dengan cerpen-cerpen yang lain, dua cerpen di hadapan iaitu Filem Fiksi dan Gadis Sigaret kurang menarik untuk diletakkan sebagai pembukaan cerpen. Hal ini demikian kerana, jalan cerita kedua cerpen ini sudah biasa diketengahkan di buku yang lain. Kebiasaannya, bagi buku yang mempunyai koleksi cerpen, di awal dan di akhir kandungan buku perlulah diletakkan cerpen yang mampu meninggalkan kesan kepada pembaca.

Walau bagaimanapun, penulis bijak apabila meletakkan di akhir kandungan dengan satu koleksi bonus cerpennya yang bertajuk Julia yang mengandungi 8 buah bab kesemuanya. Di sini pembaca dapat mengimbau kembali detik di alam persekolahan khususnya di Tingkatan 5, yang mana secara realitinya kebanyakan pelajar mempunyai pengalaman percintaan di sini. Ianya berkisarkan Julia yang menyukai seorang seniornya bernama Amir. Namun, tanpa disedari kawan baik Julia iaitu Ashraf juga menyukai Julia.

Tidak dinafikan setiap penceritaan cerpennya memberikan perubahan emosi kepada pembaca mengikut watak-watak yang disampaikan. Pembaca dengan mudah akan menukar emosi dari satu cerpen ke satu cerpen yang lain. Setiap cerpen ini memberi pembaca seakan dapat mengagak di pengakhiran ceritanya, namun, pengakhirannya yang diolah oleh Amal Hamsan ternyata jauh berbeza. Di sini, Amal Hamsan berjaya menyedarkan pembaca di setiap ceritanya bahawa realiti kehidupan sebenar tidaklah semanis seperti sebuah drama.

The Prince in darkness



FILM Dracula Untold
DIRECTOR Gary Shore
GENRE Action, Horror
CAST Luke Evans, Dominic Cooper, Charles Dance, Sarah Gadon, Zach McGowan
WRITTEN BY Au Tse En Nicole

What does a Dracula mean to you? If you think a Dracula is an antagonist who sucks blood like what a vampire does, Dracula Untold might make you change your perception on that.

The Dracula in the film is more a hero than a monster. At the beginning of the film, it exposes audiences with the fact that the Master Vampire is entombed in a cave. The film does a good job in establishing the setting and characters. It introduces us to the life of Vlad Tepes (the Dracula), who spends his young life serving in the Turkish army. Raised by his enemies, the Turks, Vlad learns to be a great warrior. He is then the prince of Transylvania and is a vassal to Mehmed, the Sultan of Turkey. He seems to live a happily-ever-after life with his family. However, the peace and harmony is not eternal. War begins when the Sultan demands additional 1000 boys from Vlad for his army, including Vlad's son, Ingeras.

Realising the fact that he does not want to give his son up to slavery, and that he could not defeat the predominant Turkish army with his people, Vlad seeks supernatural aid in the cave where the Master Vampire is there. He accepts the power of damnation which gives him extraordinary power to cover long distances as a flock of bats.

Cinematography plays a crucial role here to impress and gives audiences a clearer picture of how powerful Vlad is with computer-generated effects. In the scene, Vlad successfully protects his people from 1000 soldiers with his power. Nevertheless, his people betray and try to kill him when they know Vlad has become a Dracula. He has to seek for his people's understanding and acceptance of who he has become.

At the same time, Vlad has to resist his desire to suck blood for three days as he fights Mehmed, so that he can revert to his former self. His power will be weakened if he is exposed to sunlight and silver metal.

On the other hand, Mehmed does not give up in the war and he manages to catch Vlad's son. Vlad's supportive wife, Mirena dies as well. Vlad has both mental and physical stress when his family leaves him at the time he needs them the most. Struggling to save his son and to resist the desire to suck human blood, how could Vlad and his people survive? This film definitely challenges you to watch it till the very end.

Memburu pekerjaan pertama dengan strategi temuduga



JUDUL Petua Mendapatkan Pekerjaan Pertama Anda
GENRE Perniagaan, Pengurusan
PENULIS Omar Ariff
PENERBIT True Wealth
DIULAS OLEH Nurhabibah binti Noordin

Buku ini telah menerangkan proses memohon pekerjaan bermula daripada kekosongan jawatan sehinggalah seorang calon yang berjaya melapor diri ke tempat kerja. Apabila sesuatu jawatan menjadi kosong, iklan jawatan mula disiarkan untuk memberi peluang kepada graduan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

Calon yang ingin memohon sesuatu pekerjaan, mereka hendaklah memperolehi maklumat yang lengkap mengenai sesebuah syarikat supaya pekerjaan yang dipohon sesuai dengan kelayakan yang diperolehi. Calon juga perlulah mempunyai maklumat yang khusus tentang fungsi umum sesuatu jawatan. Kekurangan maklumat akan menyebabkan calon gugup sewaktu temuduga berlangsung.

Calon yang berkelayakan seharusnya mempunyai kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh sesebuah syarikat. Setiap syarikat akan menyenaraikan tahap minima kelulusan akademik, pengalaman bekerja yang berkaitan dan kemahiran bahasa yang diutamakan. Ada juga syarikat yang menetapkan cara berpakaian bagi calon-calon. Misalnya, syarikat pengurusan yang menyatakan secara khusus bahawa setiap calon perlulah memakai pakaian formal. Calon perlulah mempunyai kriteria yang dikehendaki oleh syarikat tersebut supaya berpeluang cerah untuk lulus dalam temuduga.

Buku ini turut menerangkan proses membuat resume supaya majikan mempertimbangkan permohonan pemilik resume itu. Resume yang kemas dan lengkap akan menarik perhatian majikan untuk menerima pemilik resume itu bekerja di syarikatnya.

Persiapan menghadapi temuduga, pasca temuduga dan selepas selesai ditemuduga juga diterangkan di dalam buku ini. Calon yang berjaya akan dipanggil untuk bekerja di syarikat tersebut. Walau bagaimanapun, calon tersebut perlulah menjaga imej dan kelakukannya meskipun telah mendapat tawaran bekerja di sesebuah syarikat.

USM badminton players shine during competition



THE winners of Badminton Novice 2014 Competition together with the organising committee after the competition.

The Badminton Novice 2014 Competition organised by Universiti Sains Malaysia (USM) badminton team was held from the 10th to 12th of October at Dewan Badminton USM.

There are four categories during the competition which are men's singles, men's doubles, women's singles and women's doubles.

Muhammad Syahir Muhammad defeated Mohammad Hafidz Abdullah 8-21, 9-21 in the men's singles finals.

"I am used to badminton tournament unlike the other players who lack of training. I have represented Terengganu in Sukan Malaysia (SUKMA) 2014 and competed in international tournament held in Jakarta", Muhammad Syahir said after winning the men's singles category.

Although Mohammad Hafidz Abdullah did not win the men's singles final, he won the men's doubles category with his partner, Yiauw Diing Ye against Chan Tun Sing and Chiew Yuen Kiat.

Both Mohammad Hafidz and Yiauw said that they do not feel challenged by their opponents. Mohammad Hafidz is a member of the USM badminton team.

In the finals for the women's singles, Ang Feng Yi suffered from an injury in the middle of the second match against Tok Swee Tee. The match ended with both players conceding to a walkover.

For the women's doubles final, Tok and Ang defeated Lai Chai Mei and Chow Lily 21-9 21-4. Tok had represented Terengganu in the recent SUKMA 2014.

USM cemerlang di Kejohanan Petanque Double Mesuma Cup 2014

Pasukan Petanque Universiti Sains Malaysia (USM) telah memasuki suku akhir dalam Kejohanan Petanque Double Mesuma Cup 2014 pada 10 hingga 12 Oktober yang lalu di Arena Petanque Persatuan Petanque Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPWPKL), Taman Pudu Ulu Cheras Kuala Lumpur.

Menurut Mohamad Yusuf Mislam, Perumahan, Bangunan dan Perancangan, 3, beliau tidak menjangkakan pasukan petanque USM akan memasuki suku akhir kerana kejohanan ini bertaraf kebangsaan dan disertai oleh 106 pasukan di seluruh negara.

Empat pemain petanque mewakili USM dalam acara bergu lelaki dan bergu wanita iaitu Mohamad Yusuf Mislam dan Zulfakar Zulkifli, Noor Mahirah Saaidin dan Norhasimah Hasan.

"Kita telah berjaya mencapai sasaran malah berjaya hingga ke suku akhir. Tambahnya lagi, kita juga berjaya mengalahkan berapa pemain petanque yang bertaraf kebangsaan dalam laluan ke suku akhir" , ujar Yusuf.

"Sukan petanque USM sedang mencari bakat-bakat baru untuk menyertai pasukan USM. Semua warga USM yang ingin bermain petanque dijemput untuk turun ke gelanggang petanque yang berada di belakang Desasiswa Aman Damai", ujarnya lagi.

Atlet USM siap ke Karnival Sukan MASUM Fasa II

Atlet Universiti Sains Malaysia (USM) bersiap sedia untuk Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM). Fasa II yang akan diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Sebanyak 12 sukan dipertandingkan pada Karnival Sukan MASUM Fasa II, seperti bola keranjang, bola tampar, futsal, hoki (w), karatedo, lawn bowls, memanah, menembak, renang, skuasy, taekwando dan tenis.

Mustaffa Kamal Esa berkata, Dalam persiapan untuk ke Karnival Sukan MASUM Fasa II, atlet USM dari pelbagai sukan yang dipertandingkan di UMT akan menjalani latihan persiapan di USM pada 18-20 Oktober 2014. Sebelum itu mereka telah giat menjalani latihan sebelum bermulanya Karnival Sukan MASUM Fasa I 2014.

Karnival Sukan MASUM Fasa II 2014 akan berlangsung pada1-9 november 2014. Jumlah atlet dan pegawai keseluruhan yang akan ke Karnival Sukan MASUM Fasa II ialah seramai 190 orang.

PBJ24

USM Dihatiku tiada persiapan rapi

Pasukan USM Dihatiku dari Kampus Kesihatan muncul sebagai juara bagi kategori USM Lelaki dalam Pesta Bola Jaring Universiti Sains Malaysia (USM)-Antarabangsa Pulau Pinang kali ke-24 (PBJ24) baru-baru ini

Menurut kapten pasukan USM Dihatiku, Bikien Runie, beliau sangat gembira kerana pasukannya muncul juara dan masih mengekalkan kemenangan sama seperti tahun-tahun sebelumnya. Beliau juga menyatakan bahawa beliau sangat berpuas hati dengan komitmen yang diberikan oleh PBJ24.

"Dari segi persiapan, oleh kerana setengah dari kami adalah staf maka kami tidak mempunyai masa yang cukup untuk berlatih. Kami hanya menjalankan latihan dalam sebulan sekali sahaja. Namun, apa yang kami tekankan ialah individu yang terlibat dengan pasukan kami sekurang-kurangnya mempunyai asas tentang acara ini dan kami hanya menggilap lagi bakat-bakat mereka sehingga ke tahap ini", katanya.

"Sepanjang perlawanan kami di sini, kami tidak mempunyai sebarang masalah yang dihadapi seperti pasukan yang lain yang mana mengalami kecederaan fizikal dan sebagainya. Kami juga menyertai PBJ24 ini sekadar suka-suka tanpa berikan tekanan pada setiap ahli. Kami tidak meletakkan sasaran untuk menang", jelasnya lagi.

Bikien turut mengakui bahawa pesaing hebat bagi pasukannya untuk PBJ24 kali ini ialah pasukan lawannya yang bertanding di perlawanan akhir acara ini iaitu pasukan Ku Pujuk Hatimu. Walau bagaimanapun, mereka tewas dengan pasukannya dengan kekalahan 10-2.

Beliau berharap supaya dapat menyertai lagi Pesta Bola Jaring pada masa akan datang dan dapat mencungkil lagi bakat-bakat baru yang berminat dengan sukan ini khususnya bagi siswa-siswi USM.

Atlet USM sumbang emas Sukan Asia

Oleh **MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE**

Atlet Universiti Sains Malaysia (USM), Lim Chee Wei telah mengharumkan nama universiti dan Malaysia apabila beliau menyumbangkan satu pingat emas melalui acara sukan karate, dalam kategori 'kata' di Sukan Asia yang telah berlangsung di Incheon, Korea Selatan.

Lim Chee Wei, Ilmu Kemanusiaan 4 berkata beliau mendapat tentangan yang sengit daripada peserta Indonesia, Fidelys Lolobua dalam perlawanan akhir dan berjaya menumpaskan lawannya dengan keputusan 3-2.

"Saya rasa amat teruja dan gembira, kerana usaha saya dan jurulatih sepanjang tahun ini telah dibalas," jelasnya kepada Berita Kampus.

Ini ialah pernyertaan pertama beliau di Sukan Asia.

"Saya berharap dapat mempertahankan kejuaraan Asia ini dan juga mencapai sesuatu pada peringkat dunia kelak", jelasnya lagi.

SUKAN

PESTA BOLA JARING UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)-ANTARABANGSA PULAU PINANG KE-24





SAMA TANGKAS
[ATAS] Perlawanan sengit antara pasukan bola jaring MBPJ Malaysia (jersi merah) dan Legend A (jersi hitam) dalam pertemuan akhir kategori Lelaki Terbuka. [BAWAH] Pemain wanita dari pasukan MBPJ dan Hanelang A merebut kejuaraan dalam kategori Wanita Terbuka.

KEPUTUSAN KESELURUHAN PBJ KALI KE-24

1. TERBUKA LELAKI
JOHAN MBPJ Malaysia 1
NAIB JOHAN Legend A
2. TERBUKA WANITA
JOHAN MBPJ
NAIB JOHAN Hanelang A
3. BAWAH 18 TAHUN
JOHAN Dream Team
NAIB JOHAN MBPJ Adidas
4. BAWAH 15 TAHUN
JOHAN PST Junior
NAIB JOHAN G-Rians Explorer
5. BAWAH 12 TAHUN
JOHAN Putrajaya A
NAIB JOHAN Team U3
6. USM LELAKI
JOHAN USM Dihatiku
NAIB JOHAN Ku Pujuk Hatimu
7. USM WANITA
JOHAN USM KK A
NAIB JOHAN USM Minden
8. IPT LELAKI
JOHAN GMI Dynamique
NAIB JOHAN UPSI
9. IPT WANITA
JOHAN Universiti Malaya
NAIB JOHAN USM KK A

PBJ24 berakhir dengan jayanya

Oleh **NUR FARZANA JASMI**

Penganjuran Pesta Bola Jaring Universiti Sains Malaysia (USM)-Antarabangsa Pulau Pinang 2014 ke-24 (PBJ24) berjaya menjulang nama USM di peringkat antarabangsa, di samping berjaya menarik penyertaan 150 pasukan untuk merebut hadiah RM13,600.

PBJ24 anjuran USM setiap tahun itu sentiasa mendapat penyertaan memberangsangkan daripada pasukan luar terutama Thailand dan Sri Lanka yang menghantar pasukan mereka untuk mendapatkan pengalaman khususnya pemain pelapis.

Pengerusi PBJ24, Rozaine Palah berkata, sembilan kategori dipertandingkan iaitu Bawah 18 Tahun, 15 Tahun, 12 Tahun, USM Lelaki, USM Wanita, IPT Lelaki, IPT Wanita, Terbuka Lelaki dan Terbuka Wanita.

Pesta yang berlangsung selama dua hari di Stadium Olahraga USM menyaksikan USM KK A dan USM Dihatiku memenangi kategori USM Wanita dan USM Lelaki.

USM KK A menumpaskan USM Minden 10-5, manakala USM Dihatiku pula menewaskan Ku Pujuk Hatimu 10-2 pada perlawanan akhir. Juara kategori itu meraih wang tunai RM400 manakala naib johan menerima RM300.

GMI Dynamique dan Universiti Malaya pula menjuarai kategori IPT Lelaki dan IPT Wanita dan masing-masing membolot RM750.

GMI Dynamique menumpaskan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 6-4 bagi kategori IPT Lelaki, manakala UM pula menewaskan USM KK A 8-7 bagi kategori IPT Wanita. Naib johan menerima RM500.

Pemenang menerima hadiah wang tunai, pingat, piala iringan dan hadiah sampingan yang disampaikan dalam majlis perasmian penutup oleh Penasihat Kehormat Persatuan Bola Jaring USM, Datin Noraizan Jamaluddin, isteri kepada Naib Canselor USM, Prof. Dato' Dr Omar Osman.

Terdahulu, Datin Noraizan sempat meluangkan masa menyaksikan perlawanan akhir Terbuka Wanita antara MBPJ dan Hanelang A yang berakhir dengan kemenangan berpihak kepada MBPJ.

Turut hadir ke majlis ialah Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM, Prof. Dr Adnan Hussein, Pengurus Pensampelan dan Acara Unit Pemasaran Perkhidmatan Nestle Sdn. Bhd, Tuan Haji Mohd Hanif Haji Harun, Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Tuan Haji Muhamad Mohd Hanif, Dekan Fakulti Sains Sukan, National University of Laos, Prof Madya Dr Athithoutay.

USM KK A juara USM Wanita, naib juara IPT Wanita

Pasukan USM KK A menjadi johan kategori USM Wanita dan naib johan kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Wanita dalam Pesta Bola Jaring USM-Antarabangsa Pulau Pinang (PBJ24) 2014.

Pada perlawanan akhir, USM KK A berjaya menewaskan USM Minden dengan catatan 10-5.

Menurut pemain terbaik kategori USM Wanita, Siti Raihanah Roslan, kemenangan yang diperolehi ini adalah semangat bekerjasama dan kecintaan ahli pasukan USM KK A terhadap sukan bola jaring.

Raihanah berkata pingat yang dimenangi sebagai Pemain terbaik kategori USM Wanita adalah milik semua ahli pasukan USM KK A kerana tiada kerjasama antara pasukan, tiada pingat tersebut.

Menurut jurulatih bola jaring USM, Gan Leo Yong, pasukan USM KK A berjaya mengekalkan johan dalam kategori USM Wanita melebihi lima tahun dan mendapat naib johan dalam kategori IPT Wanita pada kali pertama.

"Pasukan USM KK A berjaya membuktikan bahawa pasukan USM KK A ialah pasukan bola jaring yang berpotensi dan mampu meningkatkan nama USM dalam bidang bola jaring", jelasnya kepada *Berita Kampus*.

Gan juga berharap USM akan membina gelanggang bola jaring di Kampus Kesihatan yang berbumbung.